

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALANNO. 7
HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN(7)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **19 MAC 2012 (ISNIN)**

DARI PAD A **Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
 [PAYABESAR]

SOALAN

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa wujudnya tapak-tapak meletak kenderaan di kawasan bandar yang mengenakan caj yang berlebihan dan membebankan para pengguna sehingga mencecah RM 40.00 sehari serta apakah langkah yang diambil dalam mengawal masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan no. 7 yang dibangkitkan oleh Y.B. Ahli Parlimen Sri Gading bertarikh 4 April 2012 (Rabu), kerana persoalan yang dikemukakan melibatkan perkara yang sama.

Tempat Letak Kereta di kawasan PBT dikawal oleh Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian. Antara perkara yang terdapat di dalam UUK Tempat Letak Kereta Persendirian yang digunakan oleh PBT adalah seperti berikut:

1. Lesen dan fee;
2. Kebersihan;
3. Pencahayaan;
4. Keselamatan;
5. Pencegahan kebakaran; dan
6. Penalti.

Walau bagaimanapun, PBT tidak mempunyai kawalan ke atas perjanjian penetapan kadar sewa tempat letak kereta yang dikenakan kepada pelanggan oleh pengusaha tempat letak kereta.

Kementerian juga menyedari pemerhatian Y.B. Ahli Parlimen Paya Besar bahawa terdapat tapak-tapak meletak kenderaan di kawasan bandar yang mengenakan caj yang berlebihan dan membebankan para pengguna. Situasi ini berlaku disebabkan lokasi tempat letak kereta tersebut berada di kawasan yang strategik dan mempunyai nilai hartanah yang tinggi serta dipengaruhi oleh nilai sewa tanah dan cukai.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan
Mac 2012

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

**Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN
(KULIM BANDAR BARU)**

TARIKH

19.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO¹ ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- a) mengapa kenaikan pangkat dan gaji guru yang tamat pengajian ijazah sebelum 2004 tidak diselaraskan bersama dengan mereka yang tamat pengajian selepas 2004; dan
- b) apa langkah-langkah yang diambil untuk memartabatkan tulisan Jawi di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kerajaan telah mewujudkan laluan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) *Time-Based* secara Khas Untuk Penyandang (KUP) berkuatkuasa mulai 01 Oktober 2004 setelah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) telah menetapkan bahawa tarikh kenaikan pangkat PPPLD Gred DGA29 ke Gred DGA32 *Time-Based* (KUP) adalah tertakluk kepada tarikh genap 10 tahun tempoh perkhidmatan di Gred DGA29 tetapi tidak boleh lebih awal daripada tarikh lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pegawai tidak memenuhi syarat lulus PTK, tarikh kenaikan pangkat yang disyorkan adalah pada 01 Januari 2011 iaitu pada tarikh bermulanya PTK dimansuhkan.

Sehubungan dengan itu, PPPLD Gred DGA29 yang telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 lebih awal daripada tarikh layak untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA32 *Time-Based* (KUP) adalah tidak dapat dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA32 *Time Based* (KUP) kerana pegawai berkenaan telahpun berada dalam skim yang berbeza iaitu skim PPPS.

- b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan terns melaksanakan Tulisan Jawi di sekolah-sekolah sebagai pemangkin warisan budaya bangsa yang wajar dimartabatkan. Justeru, sebagai langkah memartabatkan Tulisan Jawi, KPM terus melaksanakan Tulisan Jawi dalam Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah, dalam pengajaran dan pembelajaran, Buku Teks, soalan peperiksaan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pemulihan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah melalui program j-QAF dan menyertai pameran Inovasi Islam dan pameran-pmeran inovasi yang lain. Seterusnya KPM akan mengembangkan potensi murid dalam seni tulisan Jawi dalam program j-QAF menengah yang akan mula dirintis pada bulan Jun 2012 dan kepada semua sekolah menengah secara berperingkat mulai tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**
TARIKH **19 MAC 2012 (ISNIN)**
SOALAN

NO. 9
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menempatkan UiTM atau Politeknik di kawasan Utara Sarawak seperti Miri atau Sibuti bagi menyediakan peluang pendidikan di peringkat Diploma dan Ijazah yang menyediakan yuran rendah kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesuatu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik perlu mengambilkira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Ketika ini, Kementerian Pengajian Tinggi belum bercadang untuk menempatkan UiTM mahupun Politeknik di kawasan Utara Sarawak.

Pada masa ini, terdapat empat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang sedia ada di Sarawak iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan Kuching; Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus

Cawangan Kota Samarahan; Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Mukah dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Cawangan Bintulu. Terdapat juga dua buah politeknik yang sedang beroperasi iaitu Politeknik Kuching dan Politeknik Mukah.

Di samping itu, sebuah lagi Politeknik METRO akan dibuka pada penghujung tahun 2012 iaitu Politeknik METRO di Betong, Sarawak yang akan memberikan lebih peluang pendidikan kepada rakyat Sarawak khususnya dan negara amnya.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI
BIN
OTHMAN
(PENDANG)**

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN 10

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah profesional dan expatriate warganegara Malaysia yang menyahut cabaran “*brain gain*” sejak dilancarkan dan berapa ramai pula yang keluar negara menjadikan masalah fenomena “*brain drain*” kepada negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pendang dengan terlebih dahulu menyentuh isu *brain drain*. Adalah dimaklumkan bahawa mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor* : *Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April 2011, terdapat satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara dan satu pertiga daripada mereka berkepakaran tinggi.

Kerajaan memandang serius fenomena ini dan telah mengambil tindakan dengan mewujudkan 2 program *brain gain* iaitu :

- a. Program Menggalak Warga Negara Malaysia Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia (*Returning Expert Programme - REP*). Program REP dilaksanakan sejak 1 Januari 2001 di bawah Kementerian Sumber Manusia (MOHR) dan telah diambil alih oleh *Talent Corporation Malaysia Berhad* (TC) pada tahun 2011. Sehingga 6 Mac 2012, bilangan permohonan daripada *profesional dan expatriate* warganegara Malaysia yang diluluskan untuk pulang berkhidmat di bawah Program REP ialah 1,928 dan seramai 1,254 orang telah pun kembali untuk bekerja di tanah air; dan
- b. Program *Brain Gain Malaysia* (BGM) iaitu satu program RMKe-9 di bawah kendalian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemindahan kepakaran dan ilmu pengetahuan daripada *Research Scientists, Engineers and Technologists* (RSET) luar negara melalui kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (P&P) dengan RSET tempatan. RSET luar negara boleh terdiri daripada warga Malaysia yang menetap di luar negeri ataupun warga asing. Sehingga 31 Disember 2011, seramai 123 orang telah menyahut cabaran *brain gain*. Mereka terdiri daripada 29 orang warganegara Malaysia dan 94 orang warga asing. Program ini telah menghasilkan 44 penerbitan, melahirkan 155 RSET tempatan serta pendaftaran 13 harta intelek.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN **NO. SOALAN: 11**
DARIPADA **TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJIJUSOH**
(DUNGUN)

TARIKH **19 MAC 2012 [ISNIN]**

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh (Dungun) minta PERDANA MENTERI

menyatakan langkah Kerajaan bagi membendung gerakan memurtadkan umat Islam termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan memperdayakan para pesakit yang “sebatang kara” serta golongan tidak berkemampuan di negeri Terengganu.

JAWAPAN : **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL**
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan secara berterusan menjalankan usaha-usaha membendung gejala murtad di seluruh negara. Program ini diselaraskan dan diuruskan bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam (NGO). Mesyuarat penyelarasan sentiasa diadakan dalam menangani gejala murtad termasuk di negeri Terengganu. Hasil maklumat yang diperolehi membolehkan kes-kes cubaan murtad dapat dibendung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Terengganu antara program pencegahan yang telah dilaksanakan ialah ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama serta program Penerapan Nilai-nilai Islam kepada agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat Islam. Sokongan bantuan Baitul Mai juga disediakan kepada golongan yang baru memeluk Islam dan golongan yang kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf bagi meringankan tanggungan mereka. Khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan Islam. Khidmat nasihat ini boleh didapati melalui soal jawab kemasykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti bagi mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Dalam isu ini, peruntukan undang-undang Persekutuan dengan jelas mencegah penyebaran agama lain secara terbuka berdasarkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Bagi tujuan ini, negeri Terengganu telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1980. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan

untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam.

Bagi mempertingkatkan lagi penguatkuasaan enakmen berhubung penyebaran agama oleh orang-orang bukan Islam kepada orang-orang Islam, satu jawatankuasa dibentuk iaitu **Jawatankuasa Pusat Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia** yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, wakil Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia. Bidang tugas jawatankuasa ini adalah memantau secara dekat pelaksanaan penguatkuasaan enakmen berkenaan yang telah sedia ada di negeri-negeri. Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini juga adalah untuk menjaga keharmonian masyarakat dan sebagai penyelamat kepada mereka yang cuba hendak dimurtadkan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

NO. SOALAN: 13
DARIPADA : Y.B. DATO¹ HAJIKAMARUDIN BINJAFFAR
(TUMPAT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2012

Y.B. DATO' HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan penswastaan KTM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan belum memuktamadkan cadangan untuk menswastakan KTM. Walau bagaimanapun, bagi memperkasakan KTM supaya lebih cekap dan berkesan terutamanya dari aspek kewangan, Kerajaan telah memberi kebenaran kepada pihak MMCC Corporation Berhad (MMC) untuk melaksanakan kajian *due diligence* bagi tujuan menilai dan mencadangkan kepada Kerajaan model perniagaan baru KTM yang *commercially viable and feasible*. Kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan untuk penelitian dan pertimbangan sewajarnya. Dalam hal ini, Kerajaan masih belum membuat sebarang komitmen berhubung dengan cadangan yang akan dikemukakan oleh MMC.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALAU ANAK BADAK

[LUBOK ANTU]

TARIKH

19 MAC 2012 (ISNIN)

Y.B. Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pecahan pekerja/pegawai tempatan khasnya orang-orang tempatan Sarawak yang telah diambil bekerja di syarikat-syarikat yang sudah beroperasi di kawasan SCORE, Sarawak.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini hanya tiga buah syarikat dalam dan luar negara yang telah memulakan operasi di kawasan SCORE di mana dua buah syarikat beroperasi di Tanjung Manis dan sebuah lagi di Mukah.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga syarikat ini telah menjana sebanyak 796 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 495 pekerja merupakan rakyat Sarawak.

**Soalan No : 14
NO. SOALAN: 13**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN Y.B. DATO* HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)**

TARIKH **19.03.2012**

SOALAN:

Y.B. DATO* HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang memulakan kursus kemahiran seperti yang ditawarkan di sekolah teknik seawal Tingkatan Satu di sekolah harian bagi pelajar-pelajar yang dikenal pasti lemah pencapaiannya di dalam UPSR.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Memperkasa Pendidikan Vokasional dan Kemahiran merupakan salah satu komponen Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pelajaran (MKRA). Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di 15 buah Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai program rintis pada tahun 2012.

Matlamat PAV adalah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan UPSR menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Objektif PAV secara umumnya adalah untuk mencegah keciciran murid pada peringkat rendah dan menengah rendah yang disebabkan oleh pelbagai punca seperti keciciran, murid lebam sehingga hilang minat untuk belajar, murid bermasalah disiplin, murid

bermasalah sosio-ekonomi dan sebagainya. Murid akan belajar bidang kemahiran seawal Tingkatan satu hingga tingkatan tiga dan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 di akhir tingkatan

3. Usaha ini akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir negara pada usia yang lebih muda.. PAV ditawarkan kepada murid-murid yang cenderung kepada pendidikan bercorak ‘hands-on’. Kurikulum PAV terdiri daripada 4 komponen utama pengajian iaitu jati diri, teknologi vokasional, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan. Kurikulum ini diharap dapat menarik minat dan kecenderungan murid terutama yang lemah pencapaian akademik

KPM berkeyakinan dengan usaha yang dilaksanakan ini akan dapat mengoptimumkan potensi setiap murid dalam memiliki kebolehpasaran (marketability), kemahiran pekerjaan (employability skills), kemahiran keusahawanan (entrepreneurship) dan jatidiri (self-esteem) yang tinggi. Program ini juga akan menghasilkan hampir 9 000 orang murid dengan kemahiran tahap 2, pada tahun 2015 seawal umur murid 15 tahun. KPM berharap, dengan langkah ini akan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara dan seterusnya mengatasi masalah murid yang tidak berminat dalam aliran akademik..

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] 19

TARIKH

MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan pemberian 2,000 peralatan nelayan dan petani kepada nelayan-nelayan dan petani-petani termiskin di kawasan Parlimentan Tanjung Manis.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2011 dan 2012, sejumlah 63 orang ketua isi rumah di kawasan Tanjung Manis yang berdaftar dalam Sistem e-Kasih telah dibantu di bawah Program Satu AZAM yang melibatkan peruntukan sebanyak RM567.000. Setiap ketua isi rumah mendapat bantuan pelbagai peralatan yang sesuai bernilai RM9.000. Peralatan-peralatan yang diberikan kepada para peserta bergantung kepada jenis projek yang diluluskan.

Bagi projek-projek di bawah kategori AZAM TANI, para peserta diberikan peralatan dalam bentuk benih sayur-sayuran, baja, racun, alat penyembur dan juga enjin pemotong rumput atau *bushcutter*. Bagi projek ternakan ayam/itik, peserta diberikan benih/baka ayam/itik, makanan dan peralatan serta bahan-bahan untuk membuat sangkar.

Bagi projek-projek di bawah kategori AZAM NIAGA, peserta diberi pelbagai peralatan elektrik seperti untuk projek kuih, peserta-peserta akan diberi pengadun elektrik, oven elektrik, dapur dan gas, *freezer*, penimbang, *sealer*, kuali dan pengukus aluminium, *blender*, pemarut kelapa, meja *stainless steel*, *engine mee*, *container plastic*, almari serta bahan-bahan untuk membuat kuih.

SOALAN NO : 15

Disamping itu, peserta yang menjalankan projek AZAM NIAGA yang memproses hasil laut, mereka diberikan bahan-bahan seperti kayu belian, pagar, asbestos dan zink untuk tempat jemuran hasil-hasil laut. Selain itu, mereka dibekalkan dengan penyejuk air batu, *freezer*, *hand sealer*, *chainlinks*, *container* dan *sharpener*.

Bagi peserta yang menjalankan projek AZAM KHIDMAT, peralatan yang diberikan adalah mesin jahit sisi, mesin jahit biasa, dan mesin jahit sulaman bunga. Selain itu, mereka juga dibekalkan dengan alat-alat seperti seterika dan papan seterika, meja serta peralatan jahitan lain seperti gunting, benang dan sebagainya.

SOALAN NO:16

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kedudukan abatoir yang diperlukan dalam projek Pusat Fidlot Negara, berapakah jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dan adakah wang tersebut telah digunakan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh perkara yang masih dalam tindakan mahkamah (Kerajaan Malaysia lawan Datuk Mohamad Salleh bin Ismail no kes: 62-173-03-2012 dan 62-174-03-2012), ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan subjudis terhadap siasatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERSIDANGAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KE-1 HMA
PARLIMEN KE-12, 2012**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada Tarikh	Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]
Menjawab	19 Mac 2012 (Isnin)
Soalan	No.17

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan industri kelapa sawit di negara ini boleh terus bersaing di pasaran dunia, dan mengatasi negara jiran dan negara-negara tropika yang lain yang telah memulakan penanaman kelapa sawit secara besar-besaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Industri sawit merupakan salah satu bidang utama ekonomi negara. Pada tahun 2011 nilai eksport sawit telah mencatatkan peningkatan kepada RM83.4 bilion (34 %) berbanding dengan RM62.2 bilion pada tahun 2010. Berdasarkan sumbangan sektor sawit kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia secara konsisten sejak sedekad lalu, industri sawit dilihat berupaya meneruskan sumbangan bagi pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang. Namun begitu, Kementerian sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam memastikan industri kelapa sawit di negara ini boleh terus bersaing di pasaran dunia dan kekal berdaya saing melalui usaha-usaha seperti berikut:

(i) Menggalakkan Penghasilan Produk Nilai Tambah Tinggi

Bantuan Kerajaan dalam bentuk geran akan disediakan kepada kilang-kilang penapis untuk menggalakkan mereka melakukan pelaburan baru dalam aktiviti-aktiviti penghasilan produk-produk nilai tambah tinggi seperti *oleo-derivatives*, produk-produk berasaskan makanan dan bukan berasaskan makanan. Ini akan membolehkan industri hiliran Malaysia terutamanya kilang-kilang penapis tidak bersaing dengan Indonesia dalam penghasilan produk-produk asas tetapi mengeluarkan produk-produk nilai tambah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

- (ii) Memperkuatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus memperkuatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-proruk baru. Ini akan membolehkan industri sawit negara memasarkan produk-produk ini di pasaran antarabangsa.

- (iii) Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (*Free Trade Area Agreement - FTA*)

Rundingan perjanjian FTA dengan negara-negara rakan dagang merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Malaysia bagi meningkatkan daya saing dan akses pasaran minyak sawit serta produk berasaskan minyak sawit terutamanya produk nilai ditambah seperti produk oleokimia, barang siap dan biodiesel berasaskan minyak sawit. Melalui peraturan ini, produk-produk minyak sawit Malaysia mendapat akses pasaran yang lebih baik melalui penghapusan atau penurunan duti import oleh negara-negara rakan dagang terbabit berbanding negara yang tidak mempunyai kerjasama FTA.

- (iv) Berkerjasama dengan Indonesia

Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk berkerjasama dengan para pengeluar minyak sawit dunia termasuk Indonesia bagi menangani isu cukai eksport yang dikenakan oleh Indonesia. Ini adalah memandangkan kedua-dua negara mengeluarkan hampir 90% pengeluaran minyak sawit dunia dan adalah wajar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

kedua-dua negara berkerjasama agar pengusaha tanaman sawit dapat meraih faedah.

(vi) Meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) di bawah *National Key Economic Areas (NKEA)* sawit

Di bawah *Entry Point Project 2*, NKEA sawit, hasil buah tandan segar disasarkan mencapai purata nasional sebanyak 26 tan sehektar pada tahun 2012 berbanding dengan 19.69 tan sehektar pada tahun 2011. Bagi mencapai sasaran ini, pemilik ladang/ kebun sawit digalakkan untuk menebang dan menanam semula pokok sawit tua yang kurang produktif dan menaman semula dengan anak benih yang bermutu tinggi. Pemilik ladang juga digalakkan untuk mengamalkan *Code of Practice* iaitu amalan pertanian yang baik bagi meningkatkan hasil BTS. Di samping itu, MPOB juga telah menambah bilangan Pegawai TUNAS yang dapat memberikan khidmat nasihat kepada pekebun-pekebun kecil. MPOB juga telah menubuhkan Koperasi Pekebun Kecil bagi mengumpul pekebun kecil di dalam satu kluster bagi membantu pekebun kecil menjual buah sawit terus ke kilang buah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

**JAWAB LISAN DR. TAN SENG GIAW 19 MAC 2011
(ISNIN) NO. 18**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI**

menyatakan jenis autonomi yang diberi kepada IPTA dan apakah yang dianggap penting untuk meningkat mutu universiti ke tahap dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat menjadikan IPTA lebih dinamik, kompetitif dan mampu bersaing di peringkat global. Bagi tujuan tersebut autonomi perlu diberikan kepada IPTA agar dapat bergerak dan membuat keputusan dengan lebih pantas dalam perkara yang berkaitan dengan pengurusan universiti, merangka hala tuju strategik, mengurus pencapaian dan risiko institusi, membangunkan sumber manusia dan menguruskan urusan akademik dan pelajar.

Autonomi yang diberi kepada lima (5) buah universiti penyelidikan iaitu UM, UKM, USM, UPM dan UTM adalah merupakan penurunan kuasa dalam

membuat keputusan daripada agensi pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti. Autonomi diberikan dalam empat (4) bidang iaitu :

- i) **Governan Institusi;**
- ii) **Kewangan & Penjanaan Pendapatan;**
- iii) **Sumber Manusia; dan**
- iv) **Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar**

Dengan pemberian autonomi, IPTA diberi ruang untuk membuat sesuatu keputusan dengan cepat dan berkesan dan dengan demikian IPTA dapat bergerak dengan lebih pantas dan berdaya saing untuk memacu ke arah kecemerlangan. Universiti terbaik dunia diukur melalui beberapa kriteria seperti berikut:

- i) **Peratus kebolehpasaran graduan yang tinggi;**
- ii) **Penyelidikan yang berimpak tinggi;**
- iii) **Tenaga akademik berkualiti;**
- iv) **Bilangan Profesor yang berpengalaman dan tersohor kesarjanaannya dalam pelbagai bidang;**
- v) **Kebebasan dalam pengurusan kewangan (*financially independent*);**
- vi) **Budaya kerja yang cemerlang;**
- vii) **Kecekapan sistem governan institusi;**
- viii) **Jaringan kolobrasi dan hubungan yang strategik;**
- ix) **Pelajar tempatan dan antarabangsa yang cemerlang; dan**
- x) **Kemudahan terbaik yang dilengkapi dengan kemudahan terkini untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran serta**

menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.

Soalan No: 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG)
TARIKH	19.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan minat pelajar sekolah harian berbanding sekolah berasrama dalam bidang sains dan matematik dan adakah Kerajaan bercadang mendapatkan sumbangan dari syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan(GLC) menyumbang untuk meningkatkan minat pelajar dan generasi muda dalam bidang sains dan matematik bagi membantu untuk menjadikan negara berinovasi dan maju.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan TeknikahSastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains

ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan(GLC). Contohnya dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate.(hands-on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers. Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L
SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana Kementerian mengawal mutu rancangan yang disiarkan oleh Astro serta kenapakah Astro dibenarkan menjual ruang iklan padahal ia mengutip langganan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (ASTRO) dibenarkan melalui Syarat Lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (Individu) yang terpakai ke atasnya untuk menjalankan proses penapisan kendiri ke atas semua kandungan yang disiarkan.

SOALAN NO: 20

Penapisan kendiri ini disyaratkan berdasarkan Garis Panduan Penapisan Bagi Syarikat Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. yang telah digubal dan dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi di bawahnya, Lembaga Penapisan Filem (LPF). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga menjalankan pemantauan terhadap siaran ASTRO untuk memastikan tiada kandungan terlarang yang dilarang disiarkan.

Semua penyedia perkhidmatan televisyen berbayar yang diberi lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dibenarkan menyiar iklan selaras dengan pendekatan yang diambil di negara-negara lain.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	Y.B. DATO¹ SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	19.03.2012

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan caruman KW5P adalah untuk kepentingan pekerja dalam usia bersara, apakah strategi Kerajaan untuk memastikan kumpulan wang ini mendapat pulangan yang lebih tinggi selain dari ia menjadi pencarum kepada pinjaman Kerajaan terjamin (government guaranteed loans), yang membawa pulangan paling rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan elemen ‘safety’, ‘liquidity’ dan ‘yield’ iaitu melindungi nilai simpanan, memastikan kecairan dana yang mencukupi dan kadar pulangan paling optima. Sehubungan itu, KWSP telah melaburkan dua pertiga daripada asetnya ke dalam instrumen berpendapatan tetap yang berisiko rendah manakala selebihnya ke dalam instrumen yang mempunyai kadar pulangan dan risiko yang lebih tinggi seperti ekuiti.

NO SOALAN

2. Sungguhpun kadar pulangan untuk sekuriti Kerajaan dan pinjaman

oerjaminan Kerajaan menunjukkan *trend* penurunan berbanding kadar pulangan pada tahun 1980an dan awal 1990an, strategi pelaburan jangka panjang KWSP dalam instrumen-instrumen sebegini memastikan simpanan ahlinya sentiasa terjamin dan tidak terdedah kepada risiko pelaburan yang tinggi. Walau bagaimanapun, KWSP terus melakukan diversifikasi portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti Ekuiti dalam julat yang dibenarkan bagi mengoptimakan pulangan.

3. Diversifikasi kelas aset adalah elemen yang penting dalam memastikan simpanan ahli tidak terjejas (*capital preservation*) akibat dihakis oleh inflasi dan pada masa yang sama mampu menjana pulangan yang kompetitif. Peratus pendedahan pelaburan KWSP di dalam instrumen berpendapatan tetap dan ekuiti pada ketika ini adalah pada tahap yang bersesuaian dengan profil risiko dan pulangan KWSP.

Soalan No : 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

(BATU KAWAN)

TARIKH

19.03.2012

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status sebenar dalam kelulusan membina bangunan baru bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Batu Kawan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Ladang Valdor, Pulau Pinang serta berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi kedua-dua sekolah tersebut untuk tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyempurnakan perancangan pembangunan pendidikan seperti mana yang telah dirancang. Berhubung dengan cadangan pembinaan SJKT Batu Kawan, Pulau Pinang, KPM telah meluluskan peruntukan dengan siling sebanyak RM6.3 juta dalam RMKe-10 *first rolling plan*. Projek tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR telah selesai membuat kerja-kerja tanah dan sedang menyediakan dokumen tender.

Di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012, SJKT Ladang Valdor diperuntukan sebanyak RM2.5juta bagi skop projek 12 bilik darjah (3 tingkat). Kementerian akan mengambil tindakan pelaksanaan projek selepas mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Rjm 20

NO. SOALAN:

23 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN**
 HAJI SALLEH

TARIKH **19 MAC 2012**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian pelaksanaan projek pembangunan dalam tahun 2011 di negeri Sabah hanya mencapai 72% sedangkan pencapaian peringkat nasional sebanyak 88%. Apakah penyebab perbezaan ini.

JAWAPAN

Berdasarkan Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri Sabah (MTNg) Bil 1/2012, pencapaian pelaksanaan projek pembangunan sehingga 30 Disember 2011 untuk negeri Sabah mencapai 72% sedangkan pencapaian peringkat nasional adalah sebanyak 88%. Ini kerana, Negeri Sabah mempunyai bilangan projek Lewat Jadual (LJ) yang tertinggi di peringkat nasional iaitu sebanyak 69 projek . Pelaksanaan projek-projek yang tidak mengikut jadual atau lewat telah memberi kesan kepada prestasi perbelanjaan pembangunan projek-projek di negeri Sabah. Peruntukan tahunan yang diberikan adalah berdasarkan kepada unjuran pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kementerian dan ketidakupayaan berbelanja mengikut unjuran bagi projek-projek Lewat Jadual (LJ) yang berkenaan menjaskan

prestasi perbelanjaan pembangunan. Antara tiga masalah utama yang dikenal pasti bagi projek-projek di Negeri Sabah adalah pertama disebabkan oleh kelemahan pengurusan di pihak kontraktor/konsultan, kedua adalah berpunca daripada kelewatan penyambungan utiliti dan ketiga adalah disebabkan oleh proses pengambilan tanah yang mengambil masa yang panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan **PERTANYAAN LISAN**

Daripada Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat]

 19 Mac 2012 (Isnin)

Tarikh Menjawab No.24 (PR-1251-L47709)

Soalan

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN
KOMODITI menyatakan bagaimanakah prospek masa depan industri
minyak sawit dan apakah jenis bantuan yang akan diberi kepada pemilik
kecil ladang-ladang kelapa sawit yang menanam semula atau kali
pertama. (sila senaraikan berapa dan jenis yang diberi setiap ekar).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2011 keluasan kawasan tanaman sawit telah mencecah 5 juta hektar berbanding 4.85 juta hektar yang dicatat pada tahun 2010. Peningkatan keluasan tanaman sawit terbesar bagi tahun 2011 adalah di Sarawak sebanyak 102,169 hektar atau 11.1% kepada 1.02 juta hektar. Dijangkakan keluasan penanaman sawit akan meningkat kepada 5.2 juta hektar pada tahun 2012.

Prospek masa depan industri sawit adalah dijangka positif dengan mengambil kira perkara-perkara berikut termasuk:

- a) Pengukuhan permintaan minyak sawit dunia, terutamanya di pasaran-pasaran utama eksport Malaysia seperti China, India, Pakistan, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat;
- b) Harga minyak sawit yang lebih kompetitif berbanding dengan minyak sayuran lain. Di samping itu, minyak sawit juga merupakan minyak yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk produk bukan makanan dan produk makanan;
- c) Penghasilan produk-produk baru neutrasutikal dan farmasitikal berasaskan sawit hasil daripada penyelidikan yang mempunyai potensi pasaran. Ini termasuk vitamin E, formula susu bayi dan produk-produk penjagaan diri; dan
- d) Peningkatan harga minyak petroleum dan kesesuaian minyak sawit sebagai sumber bahan tenaga² boleh baharu dan kompetitif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan menyediakan pelbagai jenis skim bantuan bagi pekebun-pekebun kecil sawit iaitu:

- (i) Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar bagi pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia manakala sebanyak RM9,000 di Sabah dan Sarawak;
- (ii) Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar bagi pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia manakala sebanyak RM9,000 di Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500/bulan selama dua tahun kepada pemohon yang lulus TSSPK dan memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu pekebun kecil sepenuh masa dan mempunyai agregat pemilikan tanah 2.5 hektar atau kurang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

**PERTANYAAN DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU
DARIPADA] 19 MAC 2012 (ISNIN)
TARIKH NO. 25
SOALAN**

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan Politeknik Metro di bandar-bandar untuk menampung keperluan pendidikan yang semakin meningkat dan mengurangkan pergantungan kepada institusi milik swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun 2011 menyaksikan kelahiran Politeknik METrO yang memberi indikator baru 42 tahun kemajuan institusi politeknik di negara ini. Istilah METrO bersandarkan akronim *Maximizing Education and Training Opportunities*. Matlamat penubuhan Politeknik METrO adalah seiring dengan agenda transformasi Negara iaitu melonjak daya saing dalam menjana modal insan yang serba boleh, dinamik dan cemerlang selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan objektif Hala Tuju Transformasi Politeknik. Institusi politeknik bergerak secara responsif dan sejajar kepada keperluan industri dan perkembangan semasa.

Politeknik METrO menyediakan program pengajian sepenuh masa dan program secara sambilan dalam bidang perdagangan dan perkhidmatan. Ini merupakan suatu usaha ke arah memperluas kapasiti bagi pendidikan dan latihan berterusan, justeru memberi impak positif kepada masyarakat setempat dan negara. Politeknik METrO juga dijadikan sebuah institusi *transition* yang menyediakan keperluan pendidikan lepasan menengah sebelum memasuki pasaran kerja atau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Sehingga Mac 2012, terdapat tiga buah Politeknik METrO yang telah beroperasi iaitu Politeknik METrO Johor Baru, Politeknik METrO Kuantan dan Politeknik METrO Kuala Lumpur. Program pengajian yang ditawarkan adalah *Diploma In Retail Management, Diploma in Hotel & Catering Management, Diploma in Foodservice (Halal Practice)*; *Diploma in Tourism & Hospitality; Diploma in Islamic Banking & Finance;* dan *Diploma in Logistic & Supply Chain Management*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua (2) buah lagi Politeknik METrO telah dirancang penubuhannya dalam RMKe-10 ialah di Betong, Sarawak dan Tasek Gelugor Seberang Perai, Pulau Pinang. Kerajaan akan menambah bilangan Politeknik METrO berdasarkan keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan semasa Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **19 MAC 2012 (ISNIN)**

DARIPADA **Y.B. TUAN CHOW KON YEOW** **SOALAN (26)**
 [TANJONG]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- a) sama ada Kerajaan berniat mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dengan memulihkan Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960; dan
- b) apakah keputusan tentang permohonan negeri Pulau Pinang untuk mendapat status bandaraya bagi Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan pada masa ini selaras dengan Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang menyatakan bahawa:

“Walau apa juu yang berlawanan yang terkandung dalam mananya undang-undang bertulis, semua peruntukan-peruntukan berhubungan dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuatkuasa atau mempunyai kesan”

Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sekiranya diadakan akan turut melibatkan pertambahan kos dan membebankan kewangan negara. Kerajaan juga berpendapat Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak mempunyai impak yang besar ke atas pengurusan dan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada rakyat, mekanisme pelantikan Ahli Majlis seperti amalan sekarang di bawah Akta 171 masih relevan dan praktikal.

(b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meneliti permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaiktaraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada Majlis Bandaraya dan menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengemukakan data dan fakta yang kemaskini mengenai perkara berikut

- i) memenuhi kriteria naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti mana ditetapkan di dalam Pekeliling KSU KPKT Bil. 4 Tahun 2008; dan
- ii) oleh kerana Kerajaan Negeri telah membuat pengubahan sempadan melalui tambakan laut yang mana terdapat bangunan didirikan di atas tambakan laut berkenaan dan mendapat perkhidmatan MPPP, maka Kerajaan Negeri haruslah mengambil tindakan selaras dengan Seksyen 4(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Seksyen 4(3) menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam warta, mengubah sempadan-sempadan mana-mana kawasan PBT.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

SOALAN NO :

27 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang sudah diusir/dihantar pulang dari Sabah setakat ini, dan apakah langkah pemantauan dan penguatkuasaan untuk mengelak mereka memasuki semula negara ini.

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ

JAWAPAN:

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak tahun 1990 hingga Februari 2012, sejumlah 359,886 Pendatang Tanpa Izin (PATI) di Sabah telah diusir dan dihantar pulang ke negara asal seperti Indonesia dan Filipina melalui beberapa operasi seperti Operasi Tanduk, Operasi Bersepadu, Operasi Nyah 2 Bersepadu dan sebagainya.

Sebagai langkah penguatkuasaan untuk menghalang dari mereka memasuki semula negara ini, beberapa langkah telah dilaksanakan termasuk penguatkuasaan secara rutin di kawasan sempadan darat dan laut yang dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Bersama (ATB). Operasi Bersepadu yang disertai pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/ Labuan), PDRM, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen, Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Jabatan Pendaftaran Negara terus dilaksanakan di peringkat dalaman bagi mengesan PATI yang berada di negeri Sabah. Operasi ini juga melibatkan Program 5P (Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran) yang masih berjalan pada masa ini.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)
: DARIPADA	19.03.2012 (ISNIN)

**TARIKH
LISAN**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah alasan utama kontrak yang ditandatangani di antara MINDEF dan sebuah syarikat swasta tempatan LARDAC yang dibantu syarikat antarabangsa AIDC pada Oktober 2001 untuk menjalankan 'program menaik taraf (upgrade) jet pejuang' yang pernah ditamatkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2001, Kementerian Pertahanan telah mewujudkan kontrak dengan syarikat LARDAC Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kerja-kerja peningkatan avionik dan **refurbishment** bagi pesawat F-5E/F untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.

Di antara kerja-kerja yang perlu dilaksanakan di bawah skop kontrak tersebut ialah menghantar satu unit '*Flyable Technology Demonstrator*' kepada Kerajaan sebelum 15 November 2001, setelah semua kerja pengubahsuaian avionik dan '*refurbishmenf*' dilaksanakan.

Di bawah syarat kontrak tersebut, pihak syarikat dikehendaki mendepositkan satu Bon Pelaksanaan kepada Kerajaan sebanyak 5% dari nilai kontrak dalam tempoh 14 hari dari tarikh kontrak ditandatangani. Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan dan sah sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak atau tarikh pembekalan terakhir mengikut mana-mana yang terkemudian.

Namun begitu, setelah memberikan masa yang secukupnya kepada pihak syarikat, pihak syarikat masih gagal untuk mengemukakan Bon Pelaksanaan

seperimana yang disyaratkan dan juga gagal menghantar satu unit ‘*Flyable Technology Demonstrator*’ sebelum 15 November 2001. Di atas kegagaian tersebut, Kementerian Pertahanan telah menamatkan kontrak tersebut dengan mengeluarkan notis penamatan kontrak kepada pihak syarikat pada 6 September 2002.

NO.

SOALAN:29 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA : DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 19 MAC 2011

SOALAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pendekatan terkini dan inisiatif baru yang diambil Kerajaan bagi mempertingkat serta memperkuuhkan lagi agenda pembangunan ekonomi golongan Bumiputera ini.

JAWAPAN

Pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang berkaitan dengan agenda pembangunan Bumiputera masih mengekalkan falsafah Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mencapai

matlamat serampang dua mata:

- i) untuk mengurangkan kemiskinan tegar tanpa mengira bangsa; dan
- ii) untuk menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dan menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, strategi dan instrumen agenda pembangunan Bumiputera yang diguna pakai akan dikaji dan diperkuuhkan lagi ke arah mewujudkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara lebih meluas, bermakna dan mampan. Pendekatan inklusif akan memastikan penyertaan ekonomi yang saksama oleh Bumiputera dalam guna tenaga, pemilikan ekuiti melangkaui sektor korporat serta penyertaan dalam aktiviti nilai ditambah tinggi.

Dalam RMKe-10, pendekatan terkini oleh Kerajaan ditumpukan kepada perkara berikut:

- i) Memperkuuhkan keusahawanan Bumiputera untuk membantu mewujudkan perniagaan yang berdaya saing dalam sektor berimpak tinggi;
- ii) Meningkatkan pemilikankekayaan melangkaui ekuiti korporat, termasuk harta tanah dan asset perniagaan seperti ruang niaga, harta tanah, bangunan komersil, harta intelek dan perkhidmatan lain melalui penggembangan dana dan pelaburan institusi; dan
- iii) Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dengan meningkatkan keupayaan dan insentif berdasarkan pemintaan pasaran.

Syarikat Bumiputera juga akan dikategorikan mengikut tahap perniagaan berdasarkan pendekatan bersegmentasi (*segmented approach*) agar jenis bantuan yang akan disediakan dari segi pembiayaan, perkhidmatan

sokongan dan agensi pelaksana dapat ditentukan dengan jelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan dua institusi iaitu Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) khusus untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara bermakna serta berkesan dan

2

membantu mempercepat pelaksanaan pembangunan sosioekonomi Bumiputera.

EKUINAS merupakan syarikat *government-linked private equity fund management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber Kerajaan malah menjana dana dari sumber luar.

TERAJU pula adalah urusetia kepada Majlis Tertinggi Agenda Bumiputera (MTAB) dan menyelaraskan transformasi serta memperkuatkannya penyertaan Bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. TERAJU telah mengumumkan dua inisiatif iaitu Dana Mudahcara berjumlah RM2 bilion dan juga *TeraS*.

Dana Mudahcara diwujudkan sebagai “tipping point” sesuatu projek, dengan menyediakan pembiayaan bagi infrastruktur asas, agar Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) Bumiputera dapat memberi lebih tumpuan kepada pelaksanaan projek. Dana ini akan menjadi pemangkin kepada syarikat Bumiputera untuk menjalankan projek-projek yang mempunyai tahap kelayakan minima nilai pelaburan projek berjumlah RM20 juta. Dana ini bakal menyediakan sokongan kepada PFI Bumiputera dan

akan menjadi insentif tambahan bagi syarikat-syarikat yang memohon untuk mendapatkan bantuan di bawah program *TeraS*, di samping juga inisiatif-inisiatif lain yang telah dan bakal diperkenalkan untuk syarikat-syarikat Bumiputera.

TeraS pula merupakan salah satu inisiatif hasil daripada makmal “Narrowing Disparity” (Merapatkan Jurang) usahasama TERAJU dan Pemandu pada awal tahun 2011. Program ini bertujuan untuk

3

meningkatkan penyertaan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) Bumiputera di dalam ekonomi. Ia akan memberi penekanan dalam membangunkan EKS Bumiputera berkualiti yang boleh merangsang peluang perniagaan untuk EKS Bumiputera yang lain. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar EKS berkenaan dapat mencapai sasaran menyumbang 20% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2020. Sebagai permulaan, sebanyak 1,100 EKS Bumiputera yang merangkumi 100 EKS Bumiputera sederhana dan 1,000 syarikat kecil/mikro teratas, akan dikenalpasti berdasarkan kriteria yang jelas dan proses terbuka yang telus.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menuahkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera yang bakal meningkatkan taraf pendidikan di kalangan Bumiputera dengan sasaran dana berjumlah RM500 juta dalam tempoh lima tahun.

Dengan inisiatif-inisiatif yangtelah diperkenalkan, Kerajaan berharap agenda pembangunan Bumiputera akan dapat diperkuuhkan dan mencapai objektif dans asaran yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

NO SOALAN : 30

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK
PULAU]**

TARIKH **19 MAC 2012**

RUJUKAN **4459**

SOALAN :

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap penambahan 'cybercafe haram' yang menjadi pusat perjudian haram di kawasan luar bandar seperti di Parlimen Balik Pulau.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan senantiasa berusaha untuk menangani serta membendung permasalahan perjudian haram Cyber Cafe di dalam negara kita. Kerajaan melalui PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian Cyber Cafe dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM juga sering mengadakan operasi-operasi dari masa ke semasa ke atas tempat-tempat yang telah di kenal pasti menjalankan Cyber Cafe perjudian.

Selain daripada itu, pihak PDRM juga mempertingkatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen Tempat-Tempat Hiburan Negeri-Negeri.

Bagi daerah Barat Daya, Pulau Pinang pada tahun 2011 sebanyak 672 serbuan telah di lakukan ke atas premis Cyber Cafe yang disyaki menjalankan kegiatan mesin perjudian komputer dimana 81 orang telah ditangkap dan jumlah rampasan ialah sebanyak 835 buah mesin komputer. Bagi tempoh bulan Januari sehingga Februari 2012, sebanyak 140 serbuan telah di lakukan, dan seramai 17 orang telah ditangkap. Hasil dari serbuan tersebut sebanyak 239 buah mesin komputer perjudian telah dirampas.

Bagi daerah Limbang, Sarawak pada tahun 2011 sebanyak 6 serbuan telah di lakukan ke atas premis Cyber Cafe yang disyaki menjalankan kegiatan mesin perjudian komputer dimana 6 orang telah ditangkap dan jumlah rampasan ialah sebanyak 18 buah mesin komputer.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan cyber cafe haram yang wujud di negara kita. Langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari tidak berleluasa. Melalui pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan

untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pihak PDRM berharap program ini akan memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti. Dalam pada itu, program ‘*Rakan Cop*’ telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
 [ALOR GAJAH]**

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN

YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk membendung kenaikan kos kesihatan di kalangan penyedia perkhidmatan swasta.

Tuan Yang di-Pertua

Sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas Peraturan- Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Jadual tersebut menetapkan harga syiling atau julat untuk kos atau fi profesional bagi perundingan dan prosedur perubatan dan pergigian serta lain-lain fi yang boleh dikenakan seperti fi penyediaan laporan perubatan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta. Jadual Ketiga Belas ini telah dijadikan panduan oleh hospital swasta di Malaysia dalam mengenakan caj ke atas pesakit. Walau bagaimanapun, fi selain daripada fi profesional seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan masih belum dikawalselia Kementerian Kesihatan Malaysia.

Secara dasarnya, kos rawatan yang dikenakan oleh hospital swasta adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan kos rawatan di hospital awam kerana setiap kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh hospital swasta akan dikenakan caj terperinci. Kosrawatan adalah berbeza satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain dan bergantung di antaranya, kepada kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta dan kos penyenggaraan hospital di mana kebanyakan hospital swasta adalah terletak dan tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar dan bukannya di luar bandar.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengawal kos rawatan perubatan yang

SOALAN NO: 31

diangap tinggi dan tidak munasabah di hospital swasta dan seterusnya mengelak dari dikenakan kos rawatan yang tinggi adalah seperti berikut:

Langkah-langkah jangka pendek

1. Pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berpandukan Jadual Ketiga Belas di manapertanyaan dan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan seterusnya diteliti.

2. Berdasarkan keputusan siasatan ke atas pertanyaan atau aduan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyarankan atau memberi peringatan kepada pihak hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual Ketiga Belas dan mengenakan fi yang munasabah ke atas pesakit.
 3. Kementerian Kesihatan Malaysia juga berharap supaya pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilikan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukkan dibawah perenggan 27(1)(a), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.
 4. Di bawah peruntukan tersebut, pihak hospital swasta perlu memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1)(a), Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit, di atas permintaan, juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan.
- 3
1. Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang menyediakan draf

Langkah-langkah jangka panjang

pindaan ke atas Jadual Ketiga Belas termasuk beberapa nota tambahan bagi mengelakkan pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta daripada memanipulasi fi profesional yang boleh dikenakan ke atas pesakit dan mematuhi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas yang akan dipinda itu.

2. Persatuan Hospital Swasta juga telah bersetuju bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan hospital-hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut memuatnaik dan memaparkan fi bagi pelbagai prosedur bagi membolehkan pesakit membuat pilihan rawatan mengikut kemampuan serta menjamin ketelusan dari segi kos rawatan perubatan.

3. Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat dengan kerjasama semua pihak termasuk pesakit sendiri, langkah-langkah dan mekanisme untuk memantau dan mengawal kos rawatan yang dikeluarkan hospital swasta dapat dilaksanakan supaya kos rawatan

Langkah-langkah berterusan

tidak terus meningkat dengan sewenang-wenangnya.

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan pihak pengurusan hospital swasta melakukan pemantauan ke atas caj yang dikenakan oleh pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta berkenaan. Fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta dikawaloleh sistem yang dibangunkan oleh pihak hospital swasta sendiri bagi memastikan fi tersebut tidak melebihi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas.
2. Pihak organisasi jagaan yang diuruskan (Management Care Organisation - MCO) turut memantau caj perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta untuk pesakit-pesakit berinsuran. Pihak MCO akan menjalankan pengesahan terhadap setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta dan mana-mana caj yang dianggap melampau termasuk fi profesional dan lain-lain fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, akan dipersoalkan dan pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat klasifikasi dan didapati munasabah.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI 19

TARIKH

MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan apakah bentuk-bentuk insentif yang diberikan kepada nelayan di tasik-tasik seperti Kolam Bukit Merah, Tasik Kenyir dan lain-lain.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Sumber perikanan sungai termasuk tasik adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pejabat Perikanan Negeri diberikan kuasa untuk mengurus, memulihara dan memantau sumber perikanan sungai di negeri berkenaan. Setakat ini, tiada apa-apa bentuk insentif diberikan secara terus kepada nelayan-nelayan sungai termasuklah nelayan Tasik Bukit Merah, Tasik Kenyir dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perikanan Negeri telah melaksanakan program pengayaan sumber perikanan melalui pelepasan benih ikan dan udang ke perairan sungai dan tasik. Pada tahun 2011 sahaja, sebanyak 1.6 juta benih ikan dan udang galah telah dilepaskan. Program pengayaan sumber ini telah dijalankan secara berterusan bagi melestarikan bekalan ikan sungai/tasik.

Jabatan Perikanan juga ada menyediakan bantuan-bantuan lain dalam bentuk bimbingan dan latihan memproses hasil tangkapan kepada produk tambah nilai seperti pekasam, projek bimbingan anak angkat memproses dan menjual hasil tangkapan, membangunkan pusat pengumpulan dan penjualan produk perikanan dan sebagainya.

No. Soalan: PR-1251-L47508

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

<u>DEWAN</u>	<u>RAKYAT</u>
PERTANYAAN	JAWAB LISAN

**YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

**TARIKH
DARIPADA**

19 MAC 2012

SOALAN

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam menjadikan Gerakan Kesederhanaan Global sebagai agenda utama pengantarabangsaan ke arah titik keseimbangan keamanan sejagat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju maupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan- badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa, tokoh- tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-

pemimpin agama dan aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan GMM telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di Universiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan GMM, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarluaskan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam maupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012, Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui GMM bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih

harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asia-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 34

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS,
TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
(AMPANG)**

TARIKH

19 MAC 2012

SOALAN

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rakyat Bumiputera Sabah dan Sarawak yang telah mendapat rumah di bawah Skim Program Bantuan Rumah (PBR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 2 tahun pelaksanaan NKRA iaitu 2010 hingga 2011, seramai 16,547 keluarga miskin dan miskin tegar bumiputera di Sabah dan Sarawak telah mendapat rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) mengikut pecahan berikut:-

	<u>2010</u>	<u>2011</u>	<u>JUMLAH</u>
SABAH	2,272	2,981	5,253
SARAWAK	7,331	3,963	11,294
JUMLAH	9,603	6,944	16,547

Manakala untuk pelaksanaan tahun 2012, Kementerian menetapkan sasaran sebanyak 10,460 unit rumah PBR akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak yang memberi manfaat kepada 52,300 isi rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penentuan kelayakan penerima bantuan rumah ini dilaksanakan berdasarkan pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa negara. Proses pemilihan adalah tidak berdasarkan kriteria kaum atau etnik di sesuatu negeri. Kementerian ini berpandangan tiada asas keperluan untuk membuat pecahan penerima bantuan rumah ini mengikut suku kaum kerana kemiskinan itu sendiri sifatnya adalah merentasi sempadan bangsa, keturunan ataupun etnik.

SOALAN NO : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatkah Kerajaan memberi elauan kepada wakil-wakil kesihatan kampung/rumah panjang di kawasan pedalaman yang hanya terdapat di Sarawak, kerana mereka terpaksa mengeluarkan kewangan sendiri untuk mengambil ubat-ubatan dari klinik-klinik desa seterusnya menjaga dan mengagihkan ubat-ubatan tersebut kepada pesakit-pesakit di pedalaman.

Tuan Yang Di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Wakil Kesihatan Kampung (WKK) ialah sebuah program berasaskan masyarakat yang diperkenalkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada tahun 1983 dan ia dilaksanakan secara sukarela.

WKK yang dipilih oleh masyarakat setempat ini dilatih untuk membantu

pesakit di pedalaman yang memerlukan rawatan termasuk memberikan ubat-ubatan asas, nasihat dan pendidikan kesihatan. Sehingga Disember 2011, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah melatih seramai 3,430 orang WKK. Lebih kurang 76% daripada mereka masih aktif dan berkhidmat untuk lebih 332,450 orang penduduk di 2,616 buah kampung di seluruh negeri.

Pada masa ini, WKK tidak diberikan sebarang elaun kerana mereka bukan pegawai awam. Walau bagaimanapun, mereka diberi elaun makan RM10.00 sehari dan elaun gantian (saku) RM 15.00 sehari semasa menghadiri kursus ulangkaji dan latihan. Pada tahun 2009, kadar kedua-dua elaun tersebut telah dinaikkan masing-masing kepada RM20.00 sehari. Sebagai menghargai khidmat bakti mereka juga, WKK menikmati kemudahan rawatan di mana mereka dikecualikan daripada bayaran hospital wad kelas dua.

Untuk mengurangkan beban WKK dan masyarakat, anggota kesihatan dari klinik kesihatan akan melawat dan membekal bekalan ubat-ubat kepada WKK.

Kejayaan dan pencapaian WKK adalah sesuatu yang membanggakan. Inisiatif ini juga diiktiraf badan antarabangsa seperti World Health Organisation (WHO) dan ia menjadi contoh kepada negara lain. Sebagai penghargaan ke atas sumbangan WKK di kampung mereka, kampung mereka terpilih sebagai kampung contoh untuk diteladani oleh kampung-kampung lain. Selain itu, kampung mereka juga diberi keutamaan dalam

pertimbangan untuk mendapatkan projek-projek kemajuan kampung seperti projek pertanian, aiam sekitar dan projek kemajuan yang lain.

Kementerian Kesihatan menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan terus membantu dan membekalkan kepakaran teknikal serta infrastruktur pentadbiran sebagai sokongan terhadap program WKK.

SOALAN NO:

36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH: 19 MAC 2012

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

- (a) Dasar Negara dalam membuka kembali pengambilan pekerja asing; dan
- (b) Jumlah pekerja asing mengikut sektor industri, pembinaan, restoran, perladangan dan pembantu rumah.

PR-1251-L47741

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, langkah yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang berhubung pengambilan pekerja asing adalah bersifat jangka pendek iaitu bagi memenuhi keperluan mendesak ekonomi negara dan keperluan pihak industri. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa memastikan supaya pengambilan pekerja asing hendaklah dirancang dan diurus secara teratur supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, keselamatan negara, kesihatan, kerukunan masyarakat dan keharmonian industri sentiasa terpelihara. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang teratur sahaja maka hasrat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing dapat direaiisasikan.
2. Jumlah pekerja asing mengikut sektor industri, pembinaan, restoran, perladangan dan pembantu rumah di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga 31 Disember 2011 adalah seramai 1.573.061 orang. Pecahan pekerja asing mengikut sektor adalah seperti berikut:

**STATISTIK PLKS MENGIKUT WARGANEGARA DAN
SEKTOR SEHINGGA 31 DISEMBER 2011 DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

WARGANEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
INDONESIA	134.733	161.691	125.155	25.947	251.569	86.141	785.236
BANGLADESH	49	24.696	63.369	9.390	12.208	6.951	116.663
NEPAL	74	3.750	214.242	26.796	2.478	11.157	258.497
MYANMAR	102	13.709	107.201	15.658	3.202	6.254	146.126
INDIA	504	3.794	5.707	38.606	17.749	21.039	87.399
VIETNAM	996	2.507	48.208	1.128	138	496	53.473
FI LIPINA	16.932	4.816	4.256	4.217	5.784	8.354	44.359
PAKISTAN	25	5.695	3.190	1.219	5.251	10.849	26.229
THAILAND	347	669	506	3.631	55	630	5.838
CAMBODIA	29.152	236	5.952	396	260	286	36.282
CHINA	32	1.775	774	5.383	38	6	8.008
SRI LANKA	1.110	64	2.241	541	483	157	4.596
LAOS	9	14	19	2	2	5	51
UZBEKISTAN	1	0	0	0	0	0	1
KAZAKHSTAN	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	26	. 272	0	5	0	0	303
JUMLAH	184.092	223.688	580.820	132.919	299.217	152.325	1.573.061

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

(LABUAN)

TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN NO. 37

SOALAN

YB Datuk Haji Yusoff Bin Haji Mahal (Labuan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah terdapat rancangan untuk mengkaji semula skim kebajikan yang diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk warga emas, ibu tunggal serta golongan kanak-kanak dari keluarga miskin selari dengan kos sara hidup yang semakin meningkat ketika ini.

JAWAPAN: Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil perhatian terhadap kos sara hidup berikutan kenaikan harga barang dan perkhidmatan dengan mengkaji semula kadar bantuan dan kelayakan bagi permohonan bantuan dari masa ke semasa.

Dalam hal ini, mulai Januari 2006 kadar Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dinaikkan daripada RM80 hingga RM350 kepada RM100 hingga RM450 sebulan.

Selain itu, bagi memastikan kadar skim bantuan yang disediakan sentiasa relevan dengan keadaan semasa, Kerajaan telah memberi kelulusan terhadap cadangan untuk menaikkan kadar kelayakan permohonan bantuan daripada RM400 kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah mulai tahun 2008. Terkini, pihak kerajaan telah pun menggunakan PGK yang baru berkuat kuasa pada bulan Februari 2012 yang mana PGK bagi Semenanjung Malaysia ialah

RM760, RM910 di Sarawak dan RM 1,050 di Sabah. Langkah ini telah melebarkan jaringan keselamatan sosial untuk golongan yang memerlukan.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyelaras semula kadar bantuan beberapa skim seperti berikut:

Mulai bulan Januari 2008:

1. Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) telah dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan;
2. Insentif kepada golongan OKU melalui Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) telah dinaikkan kadarnya daripada RM200 sebulan ke RM300 sebulan;
3. Selain itu, syarat pertimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750 kepada RM 1,200 ke bawah. Dengan kenaikan ini, lebih ramai OKU yang bekerja layak menikmati Elaun Pekerja Cacat (EPC); dan
4. Memperkenalkan skim bantuan baru iaitu Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300

sebulan

seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka.

Mulai bulan Januari 2009 pula, skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah diluluskan pelaksanaannya di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM150 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja.

Mulai tahun 2011, pemberian bantuan turut diperluaskan kepada bala bekas tentera dan polis yang menerima pencen kurang daripada RM720 sebulan di bawah Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA). Kadar bantuan bergantung kepada skim yang layak dipertimbangkan setelah siasatan dijalankan.

Tuan Yang Di Pertua,

Semua inisiatif ini menunjukkan Kementerian sentiasa berusaha mengkaji kadar bantuan sedia ada dan meluaskan skop golongan penerima bantuan

supaya mereka yang memerlukan sentiasa mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan.

SOALAN NO : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[SEPANGGAR]

TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan Jabatan Luar, Jabatan Maritim dan Tentera Laut Malaysia. Apakah punca pencerobohan sempadan negara yang mudah ditembusi oleh lanun-lanun dan pendatang tanpa izin untuk kegiatan seperti penyeludupan serta anasir-anasir yang tidak diingini.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara berpantai yang bersempadan laut dengan Negara Brunei, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura dan Vietnam. Dengan pesisir pantai yang panjangnya melebihi 400km, pemantauan dan pengawalan kawasan perairan negara bukan sesuatu perkara yang mudah dilaksanakan secara berkesan. Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dalam memastikan sempadan laut negara tidak diceroboh. Namun begitu, pihak penceroboh asing termasuk pendatang tanpa izin juga menunggu peluang untuk masuk ke negara ini dengan apa cara sekali pun.

Ketiga-tiga agensi yang dimaksudkan adalah merupakan agensi penguatkuasa di bidang masing-masing di mana Jabatan Laut merupakan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab dalam mengawalselia pengurusan pelabuhan dan pada masa yang sama berperanan sebagai *Designated Authority* dalam pelaksanaan *International Ship and Port Facility Security Code (ISPS)*. ISPS Code ini merupakan inisiatif yang dirangka bagi membendung ancaman keselamatan terhadap kapal-kapal berpelayaran antarabangsa (kapasiti 500 gross tonnage dan ke atas) dan kemudahan-kemudahan di pelabuhan. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam mengawalselia keselamatan pelayaran (melalui *Notice to Mariners*) bagi kapal-kapal yang melalui perairan negara.

Selain itu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan dalam penguatkuasaan maritim dan menangani semua bentuk ancaman bukan tradisional seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin, kemasukan lanun-lanun, penyeludupan, rompakan di laut dan pelbagai jenayah lain di laut. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh APMM adalah melaksanakan rondaan, pemantauan, penguatkuasaan maritim secara berterusan dengan tumpuan kepada kawasan yang menjadi ‘hot spots’ kepada ancaman- ancaman yang dinyatakan di seluruh laut wilayah sehingga ke kawasan Zon Esklusif Ekonomi (ZEE).

Peranan utama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pula adalah memastikan perairan negara tidak dicerobohi oleh aset-aset negara luar dan melaksanakan tindakan-tindakan pengukuhan tuntutan kedaulatan Negara. Tindakan ini dibuat dengan sentiasa melaksanakan rondaan pengawasan dan keselamatan di perairan negara melalui beberapa operasi khas seperti OP PEJARAK di Selat Melaka, OP KEKAL WARISAN di perairan Selat Singapura, OP SINAR SAKTI dan Rondaan Zon Ekslusif Ekonomi (ZEE) di Laut China Selatan serta OP DAULAT BENUA dan OP PASIR di Laut Sulawesi dan Sulu secara berterusan. TLDM juga bertanggungjawab mengawasi kawasan-kawasan perairan negara yang mempunyai tuntutan bertindih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO⁵ SRI LIOW**

**TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 19 MAC 2012

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tanggungjawab Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) dalam memastikan keselamatan dan kualiti makanan melalui program keselamatan dan kualiti makanan mengikut peruntukan, prosedur dan kod amali yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua

Peranan utama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebagai *competent authority* yang menjalankan kawalan keselamatan makanan di negara ini. KKM juga sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan dan yang diimport bagi memastikan makanan yang dikeluarkan dan dijual di Malaysia adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Dalam usaha untuk memperkuatkan sistem kawalan keselamatan makanan negara, mekanisme baru yang lebih berkesan telah dijalankan melalui kawalan keselamatan makanan di setiap peringkat rantai bekalan makanan bermula dari ladang hingga makanan sampai kepada pengguna. Kawalan tersebut melibatkan aktiviti pemeriksaan di setiap peringkat rantai makanan meliputi sumber bahan mentah, premis pemprosesan, pusat pengedaran dan kenderaan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua

Kawalan keselamatan makanan secara berterusan dijalankan ke atas produk makanan menerusi aktiviti-aktiviti berikut:

a) Pengiktirafan sistem jaminan keselamatan makanan (SK1M, GMP dan HACCP)

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah memperuntukkan semua premis pemprosesan makanan untuk mewujudkan dan melaksanakan sistem jaminan keselamatan makanan seperti Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M), *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP). Justeru, bagi membantu industri makanan khususnya Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) melaksanakan program jaminan keselamatan makanan, SK1M telah diperkenalkan. Pengiktirafan SK1M diberikan secara percuma kepada industri makanan dan KKM berperanan memberi khidmat nasihat teknikal kepada industri makanan bagi mematuhi keperluan skim tersebut secara berperingkat. Selain itu, skim pensijilan GMP

dan HACCP turut ditawarkan kepada industri makanan bagi meningkatkan tahap keselamatan makanan.

b) Pemeriksaan premis makanan dan penutupan premis makanan tidak bersih

Bagi aktiviti pemeriksaan premis makanan untuk tahun 2011, sebanyak 3.6% (2,918 buah premis makanan) daripada 81,778 buah premis makanan yang diperiksa telah diarahkan untuk ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 di mana Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh memerintahkan penutupan serta merta premis yang didapati tidak bersih dan tidak suci bagi tempoh tidak melebihi 14 hari. Bagi meningkatkan pengawalan terhadap semua premis makanan, pemilik premis makanan diwajibkan untuk mendaftar premis makanan masing-masing dengan KKM seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

c) Pemantauan dan pensampelan makanan domestik

Hasil pemantauan pada tahun 2011 mendapat 3.4% daripada sejumlah 53,595 sampel makanan di pasaran domestik telah melanggar peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Pemantauan dan pensampelan makanan import

Selain daripada kawalan ke atas produk makanan domestik, KKM juga turut menjalankan aktiviti pemeriksaan produk makanan import di semua pintu masuk negara. Pegawai Yang Berkuasa dari KKM bertanggungjawab dalam meneliti dan memeriksa konsainmen makanan yang diimport dibantu oleh Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM).

FoSIM merupakan satu sistem jaringan di antara setiap pintu masuk seluruh negara. Sistem FoSIM yang disepadukan dengan Sistem Maklumat Kastam (SMK) ini membolehkan kakitangan penguatkuasaan di setiap pintu masuk seluruh negara meneliti secara berterusan semua konsainmen makanan yang memasuki negara ini. *Alert* makanan akan diedarkan secara atas talian (*on-line*) untuk mengelakkan pengimport daripada mengimport barang yang sama di pintu masuk berlainan bagi mengelakkan fenomena *port-hopping*.

Hasil pemantauan terhadap makanan yang diimport ke negara ini yang dijalankan sepanjang tahun 2011, sebanyak 191,390 konsainmen makanan diperiksa di mana 8.6% (16,505 sampel makanan) diambil untuk dianalisis. Daripada jumlah sampel yang diambil, 1.2% (192 sampel makanan) didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Di samping itu, pada tahun 2011, sebanyak 164 notifikasi *alert* makanan telah dikeluarkan ke atas makanan yang diimport daripada 19 buah negara. KKM mengkaji setiap notifikasi pelanggaran yang dihantar oleh pintu masuk sebelum notifikasi

alert makanan tersebut disalurkan kepada negeri dan pintu masuk untuk tindakan selanjutnya.

e) Penguatkuasaan perundangan makanan

Pada tahun 2011, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas 898 perlanggaran sampel makanan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dengan denda berjumlah RM533,299. Di samping itu, sebanyak 2,325 operasi keselamatan makanan telah dijalankan dan rampasan bernilai RM819,900.97 telah dilakukan.

f) Promosi dan pendidikan konsumen

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan kawalan keselamatan makanan di negara ini, aktiviti promosi, taklimat, seminar, khidmat nasihat, bimbingan dan pendidikan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab industri makanan dalam menghasilkan makanan yang selamat kepada pengguna.

Dengan penguatkuasaan yang dilakukan di pasaran tempatan dan pintu masuk, KKM memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa risiko bahaya daripada makanan yang dijual di pasaran adalah pada tahap yang amat rendah.

M ? < f O A
L A A / ; O
— — r50-
—NO-^UP—;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH 19 MAC 2012

RUJUKAN 4461

SOALAN :

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah fakta-fakta terperinci yang menyebabkan jumlah warga negara asing yang telah dianugerah kewarganegaraan Malaysia meningkat jumlahnya dengan ketara sejak tahun 2008 yakni berbanding dengan purata 390 orang setahun untuk tahun 2000 hingga 2007, peningkatan sebanyak 300% untuk tahun 2008, 1225% untuk tahun 2009 dan 3892% untuk tahun 2010.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Merbok yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, peningkatan jumlah warganegara asing yang telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia berlaku kerana permohonan yang tertunggak sejak tahun 1997 sehingga tahun 2006 telah berjaya diselesaikan pada tahun 2009. Manakala, permohonan bagi tahun 2007 sehingga 2009 pula telah berjaya diselesaikan pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan tempoh masa untuk memproses sesuatu permohonan taraf kewarganegaraan yang telah lengkap selama satu (1) tahun. Setiap permohonan yang lengkap akan dipertimbangkan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

NO.

SOALAN:41 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 19 MAC 2012

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap pencapaian EKUINAS sejak ianya ditubuhkan hingga sekarang dan apakah usaha ala strategi lautan biru untuk melonjakkan kejayaannya.

JAWAPAN

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) adalah sebuah entiti Bumiputera yang merupakan syarikat pengurusan ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan peningkatan penglibatan golongan Bumiputera di dalam bidang ekonomi Negara menerusi pengwujudan syarikat-syarikat peneraju generasi baru Malaysia. Antara objektif utama penubuhan Ekuinas ialah untuk membuat pelaburan di dalam syarikat berpotensi tinggi berasaskan pendekatan meritokrasi, telus dan mesra-pasaran. Ekuinas mendukung prinsip ‘menyokong pemenang’ atau ‘*backing winners*’, di mana Ekuinas menumpukan pelaburan di dalam syarikat-syarikat beroperasi yang mempunyai prestasi mantap serta menunjukkan potensi untuk berkembang ke peringkat seterusnya. Dengan prinsip ini, pelaburan-pelaburan yang dibuat dijangka akan dapat memberi impak lebih besar dalam meningkatkan nilai dan

seterusnya pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia.

Pelaburan Ekuinas dikategorikan kepada pelaburan langsung dan program penyumberan luar atau dengan izin, *outsourcing*. Setakat ini Ekuinas telah menerima dana sebanyak RM1.4 bilion dari pihak Kerajaan yang telah digunakan sebagai modal permulaan untuk menubuhkan dua tabung pertamanya, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund untuk pelaburan langsung dan Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund untuk program pelaburan penyumberan luar, masing-masing dengan saiz dana terikat sebanyak RM1 bilion dan RM400 juta.

Sejak beroperasi pada bulan September 2009, Ekuinas telah membuat tujuh (7) pelaburan secara langsung dan satu (1) pelaburan melalui program penyumberan luar dengan jumlah sebanyak **RM658 juta**, dan, bersama dengan modal rakan pelabur, Ekuinas telah berjaya menjana jumlah kemasukan modal sebanyak **RM782 juta** ke dalam ekonomi negara. Ekuinas kini juga di dalam proses memuktamadkan satu lagi pelaburan di dalam sektor pendidikan dalam masa terdekat ini.

Bagi tahun 2010, Nilai Kadar Pulangan Dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) kasar yang berjaya dicapai Ekuinas adalah sebanyak 53.1% dan IRR bersih tahunan sebanyak 24.3%. Ini melebihi sasaran pulangan minima sebanyak 12% IRR dan sasaran aspirasi sebanyak **20%**.

Pada masa yang sama menerusi pelaburannya, Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM483.2 juta, iaitu 1.28 kali ganda daripada jumlah pelaburan Ekuinas sebanyak RM380.6 juta. Ekuinas akan mengumumkan pencapaian operasi serta penyata

kewangan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 pada bulan April 2012 setelah menerima pengesahan audit firma akauntan bertauliah antarabangsa selaras dengan Garis Panduan Pendedahan Maklumat Ekuinas serta iltizam Ekuinas dalam memastikan ketelusan di dalam operasi syarikat. Pada masa itu, maklumat lanjut mengenai prestasi Ekuinas akan diumumkan untuk manfaat kesemua pihak.

Berbanding agensi-agensi Kerajaan lain yang lebih tertumpu kepada syarikat baru dan perusahaan mikro, fokus pelaburan Ekuinas adalah di dalam syarikat di peringkat pertumbuhan yang berpotensi tinggi dan mampu berkembang pesat untuk menjadi syarikat peneraju pasaran gergasi di masa hadapan.

Di antara strategi unik Ekuinas untuk melonjakkan pencapaianya adalah termasuk

- Membantu syarikat yang ingin berkembang menerusi proses penggabungan dan perolehan atau dengan izin, *merger and acquisition* (M&A). Sebagai contoh, Ekuinas telah membuat pelaburan di dalam tiga syarikat Makanan dan Minuman, atau dengan izin, *Food and Beverages* (F&B) dan sedang di dalam proses menggabungkan mereka di bawah satu syarikat induk yang mempunyai jumlah jualan terkumpul lebih RM200 juta dengan 94 cawangan serata Malaysia, Singapura dan Thailand;
- Menyokong usahawan dan pengurusan professional yang berkelayakan untuk memperoleh syarikat bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)/ syarikat multinasional (MNC)/ syarikat

awam tersenarai (PLC) tanpa mengambil bebanan hutang yang besar, dan diberi insentif saham berdasarkan pencapaian syarikat perolehan;

- Membantu syarikat di bawah portfolionya berkembang pesat serta meningkatkan keupayaan pengurusan dan perniagaan syarikat melalui penglibatan secara aktif oleh Ekuinas;
- Meningkatkan penglibatan Bumiputera bukan sahaja di dalam pegangan ekuiti tetapi juga menerusi pembangunan kumpulan pengurusan Bumiputera yang berdaya usaha tinggi dan peningkatan peluang pekerjaan.

Jangka masa pelaburan Ekuinas dalam sesebuah syarikat adalah di antara tiga hingga lima tahun dan dalam tempoh tersebut, Ekuinas akan melaksanakan Pelan Peningkatan Nilai atau dengan izin, *Value Creation Plan* bagi setiap syarikat pelaburannya. Pelan jangka panjang yang mapan ini akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kecekapan dan keupayaan kumpulan pengurusan Bumiputera dan perancangan strategi korporat ke arah memantapkan pencapaian daya saing dan daya tahan syarikat berpotensi yang terpilih.

Akhir sekali, bagi memastikan kejayaan Ekuinas, strategi pelaburannya amat menekankan kepentingan objektif kewangan kerana hanya dengan pencapaian objektif ini, objektif sosial akan tercapai.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)

TARIKH

19 MAC 2012[ISNIN]

SOALAN

DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** NO. SOALAN 12

menyatakan sejauh manakah penubuhan jawatankuasa penguatkuasaan undang-undang Syariah bagi memantau dan menangani pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam dari segi keberkesanan dan tindakan yang sudah diambil sejak ianya ditubuhkan.

JAWAPAN: (**YBSENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dari semasa ke semasa sentiasa memberi penekanan terhadap kesucian agama Islam seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sukacita dimaklumkan bahawa penubuhan **Jawatankuasa Penyelaras Penyelaras Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia** ini merupakan salah satu daripada usaha-usaha Kerajaan ke arah memantapkan pelaksanaan undang-undang Syariah di negara ini.

Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini dan dianggotai oleh Ketua Pengarah JAKIM, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri seluruh negara (JAIN), Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia, Penasihat Undang-Undang JAKIM serta Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM., Keanggotaan jawatankuasa ini boleh ditambah berdasarkan kepada keperluan dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa ini berfungsi:

- i. membuat keputusan dasar terhadap isu-isu yang perlu kepada penyelarasan di antara agensi penguatkuasaan Syariah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan mana-mana agensi lain yang berkaitan;
- ii. menggubal arahan dan garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang Syariah bersama PDRM dan lain-lain agensi;
- iii. merangka dan menyusun program latihan bagi meningkatkan kecekapan dan pemahaman berkaitan dengan undang-undang Syariah; dan

- iv. Memantau keberkesanan pelaksanaan keputusan-keputusan dasar yang telah diputuskan.

Antara tindakan yang telah di ambil ialah:

- i. pemerkasaan aspek latihan dan kepakaran Pegawai Penguatkuasa Agama dengan kerjasama PDRM;
- ii. pengumpulan dan pertukaran maklumat antara JAKIM, JAIN dan PDRM; dan
- iii. pengelibatan PDRM dalam operasi yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah Negeri.

Selain itu, penubuhan jawatankuasa yang sama seperti diatas di peringkat negeri juga telah dicadangkan dalam Persidangan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Seluruh Malaysia pada 5 Mac 2012 yang lalu. Semua Pengerusi Hal Ehwal Islam (Exco Agama) negeri-negeri dikehendaki untuk menggerakkan jawatankuasa tersebut di peringkat negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]**

TARIKH : 19 MAC 2012

SOALAN:

DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap guna tenaga rakyat negara ini menurut pecahan bidang profesional dan guna tenaga am serta peratusan kekosongan mengikut nisbah penduduk dalam negara.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perangkaan guna tenaga 2011 ialah 12.1 juta orang. Data tersebut diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, seramai 3.1 juta orang adalah dalam bidang profesional yang terdiri dari kumpulan Pengurus seramai 702 ribu orang, Profesional, Juruteknik dan Profesional Bersekutu seramai 2.4 juta orang. Terdapat 1.6 juta orang dalam kumpulan guna tenaga am, yang kebiasaannya tidak mempunyai kelulusan akademik yang formal. Selebihnya daripada jumlah gunatenaga iaitu seramai 7.4 juta orang adalah bukan profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**
 [BANDAR KUCHING]

TARIKH JAWAPAN : **19 MAC 2012 (ISNIN)**
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah jumlah yang terlibat dalam projek "Centralised Sewerage System for Kuching City", nama kontraktor yang dianugerahkan projek tersebut dan sama ada penganugerahan kontrak itu adalah melalui proses tender terbuka. Bilakah projek itu akan siap dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek "Kuching Centralised Waste Water Management System Package 1" merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak untuk memodenkan perkhidmatan pembetungan di Bandaraya Kuching. Dengan adanya sistem pembetungan moden, alam sekitar dan sungai-sungai di sekitar Bandaraya Kuching akan lebih terpelihara daripada pencemaran efluen

kumbahan.

Tuan Yang Dipertua,

Kos kontrak bagi pelaksanaan projek ‘Kuching Waste Water Management System, Package V adalah sebanyak **RM529.988 juta**. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan memberikan pinjaman sebanyak RM 150.8 juta sementara selebihnya dibiayai sendiri oleh Kerajaan Negeri. Kaedah perolehan bagi projek dibuat sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Kementerian saya difahamkan bahawa kontraktor bagi projek ini ialah Kumpulan-Nishimatsu-Hock Seng Lee Consortium (KNH). Projek ini bermula pada 15 Oktober 2008 dan dijangka siap pada 14 Oktober 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN SOALAN
DARIPADA DUNIA DAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**YB. KAWASAN
19 TARIKH**

LISAN

**DATUK CHUA SOON BUI TAWAU
MAC 2012 (ISNIN)**

SOALAN:

YB. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) apakah tahap kemajuan penyerahan cadangan jabatan Kerja Raya Negeri Sabah yang berhubung pembinaan lebuh raya pantai dari pusat bandar Tawau ke Jalan Apas di bawah Rolling Plan RMKe-10; dan
- (b) apakah tempoh kajian daya maju dan tempoh pembinaan bagi projek Pintasan Trafik Pantai.

Tuan JAWATAN Perdana;

- (a) Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk membina Jalan Pintasan Tawau, Sabah sepanjang lebih kurang 20 kilometer. Kementerian ini difahamkan skop projek berkenaan melibatkan cadangan pembinaan jalan baru dari Pasir Putih ke jalan Apas, Tawau dengan anggaran kos projek RM260 juta. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di bandar Tawau, iaitu sebagai jalan alternatif kepada pengguna dari/ke arah Jalan Lahad Datu dan Kalabakan tanpa perlu memasuki kawasan bandar. Sehubungan itu, kementerian ini akan mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri dan JKR Sabah sebelum mencadangkan pelaksanaan projek ini dalam *Rolling Plan Ke-3, RMKe-10*.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pembangunan jalan Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP), Fasa 2 untuk Sabah dan Sarawak sememangnya telah mengenai pasti cadangan pembinaan Jalan Pantai Tawau. Kajian Kemungkinan Jalan Pintasan Tawau itu telah dilaksanakan dalam RMKe-9 dan siap pada tahun 2008. Hasil daripada kajian tersebut mendapati cadangan projek tersebut sememangnya berdaya maju untuk dilaksanakan. Sehubungan itu, memandangkan projek ini melibatkan kos yang tinggi (RM280 juta), kementerian ini berhasrat untuk melaksanakannya secara berfasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan laluan jalan persisiran pantai

(termasuk skop penambakan pantai) sepanjang 6.8 kilometer dari Kg. Titingan ke Kg. Hidayat, Tawau dengan reka bentuk piawaian JKR U5. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM150 juta dan tempoh siap projek ialah selama 36 bulan.

Pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang berunding dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) bagi memastikan peruntukan fasa projek tersebut disediakan. Sekiranya menerima kelulusan Agensi Pusat tersebut, proses merekabentuk projek berkenaan akan dimulakan pada awal tahun hadapan (2013).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATUK NUR (PULAI)	JAZLAN BIN MOHAMAD
PERTANYAAN :	LISAN	
TARIKH	19.03.2012	

Datuk Nur Jazlan bin Mohamad (Pulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan manfaat yang bakal diperolehi dan risiko yang bakal ditanggung oleh negara sekiranya projek MRT Singapura dihubungkan secara langsung dengan Johor Bahru

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan projek Rapid Transit System Link (RTS) merupakan satu lagi kemudahan

NO. SOALAN :

pengangkutan awam baru yang bakal menghubungkan Malaysia Singapura. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Malaysia dan Land Transport Authority (LTA), Singapura dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Malaysia dan Singapura untuk mengusahakan inisiatif RTS Link ini. Dengan adanya RTS Link ini kecekapan jalinan perjalanan antara Malaysia dan Singapura akan dapat ditingkatkan. Selain itu, projek ini juga akan memberi kesan limpahan (*spillover effect*) kepada pembangunan negara terutamanya di negeri Johor.

2. Satu kajian *Joint Engineering* akan dilaksanakan untuk mengkaji *technical feasibility* yang turut mengambil kira faedah dan risiko projek kepada kedua-dua negara. Kajian ini akan diadakan melalui dua (2) fasa di mana fasa pertama dijangka selesai pada bulan Disember 2012.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2012

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilangan Pinjaman Mudah dan jumlah dalam wang Ringgit Malaysia (RM) yang diluluskan kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai hubungan keluarga dengan mana-mana Menteri dan Timbalan Menteri dari tahun 2001 sehingga kini.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyediakan Pinjaman Mudah kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, syarikat-syarikat milik Kerajaan dan konsesi penswastaan untuk membiayai projek-projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Projek-projek berkenaan termasuklah bekalan air, pengangkutan, kemudahan awam dan infrastruktur,

NO SOALAN :22f

pendidikan, perindustrian dan teknologi yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Permohonan bagi mendapatkan Pinjaman Mudah akan dinilai berdasarkan kepada dasar pembiayaan Kerajaan Persekutuan dan mengikut

garis panduan semasa antaranya daya maju projek bagi memastikan projek berupaya menjana hasil yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman dan projek-projek yang dibiayai merupakan projek nasional yang memberi impak kepada ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Saya ingin menegaskan bahawa personaliti yang memohon pinjaman bukan kriteria untuk menimbang sesuatu permohonan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi pelaksanaan projek pula, ianya akan dipantau oleh Kementerian dan agensi yang berkaitan bagi memastikan projek-projek ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **YB DATO' SRI ONG TEE KEAT
[PANDAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 MAC 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air menyatakan:-

- (a) status pembekalan dan permintaan (*demand*) tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. (Sila berikan perangkaannya); dan

NO. SOALAN : 48

- (b) berapa peratus daripada permintaan tersebut di bekal oleh pihak IPP (Penjanakuasa Bebas) dan berapa IPP yang terbabit.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada status kapasiti terpasang sehingga akhir tahun 2011, Semenanjung mempunyai kapasiti terpasang sebanyak 21,873 MW. Sabah dan Sarawak pula mempunyai kapasiti terpasang sebanyak 1,276MW dan 1,643MW, masing-masing, termasuk dengan unit pertama 300MW daripada Projek Empangan Hidroelektrik Bakun. Bagi permintaan puncak pula, dalam tahun 2011, Semenanjung telah merekodkan permintaan puncak sebanyak 15,476MW, Sabah sebanyak 830MW dan Sarawak pula telah merekodkan permintaan puncak sebanyak 1,081 MW.

Bilangan IPP setakat tahun 2011 untuk Semenanjung adalah sebanyak 14 buah, Sabah mempunyai 6 buah, manakala Sarawak tidak mempunyai sebarang IPP memandangkan kesemua stesen jana kuasa di Sarawak dimiliki oleh Sarawak Energy Berhad (SEB). Berhubung dengan

pembekalan elektrik oleh *Independent Power Producer* (IPP), dengan izin, peratusan bekalan elektrik yang dibekalkan oleh IPP dari segi kapasiti terpasang di Semenanjung termasuklah IPP yang dimiliki sepenuhnya oleh

Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sebanyak 67.7% (14,777MW), Sabah sebanyak 56% (704.5MW) dan 0% di Sarawak memandangkan tidak terdapat IPP di negeri tersebut.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

TARIKH : 19 MAC 2012

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah persiapan Kementerian terhadap fenomena perubahan cuaca global terutama berlakunya banjir kilat kebelakangan ini di ibukota Kuala Lumpur, Kajang dan Seremban yang di luar dugaan.

JAWAPAN: Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena perubahan iklim mempengaruhi pola hujan yang dialami sekarang dan perubahan ini berpotensi untuk menyebabkan kejadian-kejadian ekstrem dan luar jangka seperti banjir kilat dan monsun.

Walau bagaimanapun tidak ada bukti saintifik secara konklusif bahawa kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur, Kajang, Seremban dan tempat-tempat lain adalah berpunca semata-mata daripada fenomena perubahan iklim. Bagaimana pun, melalui kajian yang telah dibuat, Kementerian mengakui bahawa fenomena perubahan iklim sememangnya berlaku di Malaysia.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah mengenalpasti perubahan iklim termasuk peningkatan nilai intensiti dan kekerapan hujan serta perubahan kadar aliran sungai. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai input kepada penyediaan Program Adaptasi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara bagi mengurangkan impak perubahan iklim serta dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mencegah berlakunya banjir adalah seperti berikut:

- i. Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir atau Pelan Induk Saliran Bandar untuk digunakan dan dijadikan panduan oleh semua Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) untuk semua jenis pembangunan;

- ii. Meningkat taraf dan melaksanakan infrastruktur tebatan banjir seperti sistem saliran, lencongan, kolam-kolam takungan dan empangan tebatan banjir;
- iii. Melaksanakan langkah bukan struktur seperti sistem amaran awal banjir termasuk infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan dan aras air, siren dan papan amaran banjir untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan; dan
- iv. Menguatkuasa perundangan pembangunan melalui persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap pematuhan bagi Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang disediakan oleh JPS.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH 19 MAC 2012

RUJUKAN 4649

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah SPRM atau PDRM gagal dan masih belum mengambil tindakan tegas ke atas skandal RM250 juta National Feedlot Corporation (NFCorp) sungguh pun YB Padang Rengas sendiri menyatakan ia melibatkan '*constructive breach of trust*' tanpa tender terbuka dan wang harus dikembalikan oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung kes ini dan kertas siasatan telah dapat dilengkapkan untuk dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara dengan cadangan pertuduhan.

Berdasarkan dari keterangan yang kukuh dimana terdapatnya kesalahan telah berlaku dan atas arahan Jabatan Peguam Negara, pada 12 Mac 2012 Datuk Seri Mohamad Salleh Bin Ismail telah dituduh di Mahkamah Seksyen I Kuala Lumpur di bawah 4 pertuduhan iaitu

1. Sek 409 Kanun Keseksaan; dan
2. Sek 132 (2) Akta Syarikat 1965.

(Kedua-dua pertuduhan adalah diatas kesalahan Pecah Amanah Jenayah sejumlah wang RM9.785 Juta milik NFC.)

3. Sek 409 Kanun Keseksaan; dan
4. Sek 132 (2) Akta Syarikat 1965.

(Untuk pertuduhan ini pula diatas kesalahan Pecah Amanah Jenayah sejumlah wang RM 40 Juta.)

Walaubagaimanapun, Datuk Seri Mohamad Salleh Bin Ismail telah dijamin Mahkamah sebanyak RM500,000.00. Jaminan dibuat pada 12 Mac 2012 dan penjamin adalah anak beliau yang bernama Wan Shahinur Izmir. Kes akan disebut semula pada 13 April depan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA PUAN FONG PO KUAN
[BATU GAJAH]**

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN:

PUAN FONG PO KUAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perkembangan mengimplementasikan 10 cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Apakah sebab Peraturan Pilihan Raya masih tidak dipinda untuk memperuntukkan pengundian seperti diseru oleh Malaysian Overseas Right To Vote.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

SOALAN NO. 51

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 10 syor yang telah dibentangkan pada 1 Disember tahun lalu di dewan yang mulia ini, telah pun dikemukakan kepada SPR selaku agensi teraju iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan syor-syor tersebut. SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya.

Bagaimanapun, memandangkan terdapat syor-syor baharu yang dikemukakan dalam beberapa sesi pendengaran awam yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya selepas pembentangan laporan interim pada 1 Disember tahun lalu, SPR menjangkakan terdapat beberapa perkara lain yang akan turut sama diangkat sebagai syor oleh Jawatankuasa di dalam laporan akhirnya yang akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Dewan Rakyat ini nanti (12 Mac- 12 April 2012).

Setelah itu, bahrulah SPR dapat merencana kaedah dan pelaksanaan syor-syor tersebut dengan lebih terperinci dan tersusun mengikut kerangka perundangan dan kesesuaian masa.

Mengenai Undi Luar Negara, SPR turut memaklumkan bahawa cadangan ini perlu diteliti bagi memastikan kaedah yang ditentukan oleh SPR kelak, praktikal. Justeru, kajian lanjut perlu dijalankan yang antaranya dengan merujuk kepada amalan negara-negara yang membenarkan mana-mana

SOALAN NO. 51

pengundi yang berada di luar negara untuk mengundi yang menetapkan syarat-syarat khas sebelum meminda peraturan bagi membolehkan seseorang yang berada di luar negara mengundi.

SPR pada masa yang sama lebih menumpukan kepada kaedah menambah baik pendaftaran mana-mana warganegara Malaysia yang layak di luar negara untuk didaftarkan sebagai pemilih termasuklah melantik lebih ramai Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) dengan mempertimbangkan pelantikan ketua perwakilan pelajar di luar negara bagi membantu SPR mendaftarkan pemilih.

Sekian, terima kasih.

NO'S>O A1W / SQ/

-N0-A4JP—

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 19 MAC 2012

RUJUKAN 4460

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing tanpa izir yang telah didaftarkan di bawah Program 6P setakat ini mengikut negara asai pendatang tersebut di setiap negeri, berapa yang telah diberikan taraf PR dari jumlah ini dan apakah tindakan Kementerian seterusnya.
Tuan Yang Di-pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dijalankan bermula 1 Ogos sehingga 31 Ogos 2011 di seluruh Semenanjung Malaysia. Sementara itu, di Sabah Proses

JAWAPAN

Pendaftaran PATI telah dilaksanakan pada 18 Julai hingga 8 Ogos 2011 dan di Sarawak pula pada 1 November hingga 31 Disember 2011.

Hasil positif Program 6P ini dapat dilihat dalam kejayaan mendaftarkan seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah.

Negeri Selangor mencatatkan pendaftaran yang tertinggi. Jumlah PATI yang didaftarkan di Selangor ialah seramai 353,306 orang. Di WP Kuala Lumpur pula, seramai 330,321 orang PATI dan Johor pula mencatatkan 128,064 orang PATI.

Kementerian tidak memberikan taraf Pemastautin Tetap kepada mana-mana warga asing yang didaftarkan di bawah Program 6P ini. Program 6P lebih fokus kepada mengetahui jumlah sebenar warga asing di negara ini

dan mewujudkan pangkalan data yang komprehensif tentang PATI. Ia bukan bertujuan untuk memberikan taraf pemastautin tetap kepada warga asing.

Tuan Yang Di-pertua,

Eksais penguatkuasaan, pencegahan dan pemantauan ini melibatkan agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan lain-lain agensi penguatkuasa.

Langkah seterusnya oleh Kerajaan ialah untuk memutihkan dan memberikan pekerjaan kepada PATI yang mendaftar untuk bekerja di negara ini. Di samping itu, Kerajaan akan melancarkan eksais penguatkuasaan bersepadu dan besar-besaran. Langkah ini adalah untuk memastikan mana-mana PATI yang tidak berdaftar dan masih berada di negara ini secara tidak sah dan tanpa dokumen yang sah akan dapat dikesan, ditahan dan diusir pulang ke negara asal masing-masing.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI adalah seperti berikut. Kawalan sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket puiang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping

menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepada bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 MAC 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan maklumat (termasuk nama, kuota MW) yang diterima oleh mereka, lokasi, pihak yang menyokong mereka dari segi dana) syarikat atau individu yang berjaya dimasukkan dalam kuota *Feed-in-tariff*. Apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk menangani aduan bahawa kuota FiT bagi tenaga solar telah habis digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) merupakan mekanisme yang telah dikenal pasti untuk membangunkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam negara di bawah Dasar dan Pelan Tindakan TBB yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada bulan April 2010. Ia telah dilaksanakan pada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] oleh *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* Malaysia, dengan izin.

Pelaksanaan permohonan FiT telah dilaksanakan secara sistem *online* yang dikenali sebagai Sistem e-FiT. Sehingga 29 Februari 2012, sejumlah 743 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 548.86 MW telah diterima oleh SEDA Malaysia. Daripada jumlah itu sebanyak 377 permohonan dengan kapasiti 311.56 MW telah diluluskan. Daripada kapasiti yang diluluskan tersebut, sejumlah 140.03 MW adalah daripada sumber *solar photovoltaic* (PV) dengan izin, 91.8 MW daripada biomas diikuti 65.25 MW dari hidrokuasa kecil dan 14.48 MW daripada biogas.

Selain itu, sebanyak 87 permohonan dengan kapasiti 162.88 MW telah ditolak dan baki sebanyak 279 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 74.42 MW masih dalam peringkat pengesahan oleh SEDA Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Yang Dipertua,

Seperti statistik yang dinyatakan, adalah dapat disimpulkan bahwa permintaan bagi kuota untuk solar fotovoltik kekal pada paras tinggi di mana

pihak Kementerian dan juga SEDA Malaysia banyak menerima aduan mengenai kuota solar PV yang telah habis. Walau bagaimanapun, penawaran kuota tambahan bagi Solar PV perlu dipertimbangkan secara teliti bergantung kepada ketersediaan atau *availability*, dengan izin, dana Kumpulan Wang TBB. Ini memandangkan prinsip penawaran kuota di buat berdasarkan jumlah dana tersedia bagi mengelakkan sebarang implikasi kewangan dan perundangan di masa akan datang.

Sehubungan itu, pada masa ini, Kementerian dan SEDA Malaysia sedang mengkaji kaedah terbaik bagi menggalakkan penggunaan solar PV melalui mekanisme alternatif yang lain.

NO. SOALAN:

54 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 19 MAC 2012

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah yang dilakukan oleh PEMANDU untuk memastikan pelaburan-

pelaburan di lain-lain NKEA tidak diabaikan memandangkan 77 peratus dari RM177 bilion pelaburan di dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah di dua NKEA iaitu NKEA Greater KL/Klang Valley dan NKEA Minyak, Gas dan Tenaga.

JAWAPAN

ia perlu dijelaskan bahawa *Progress Update* bagi ETP mewakili gambaran kemajuan dan tidak merangkumi segala alam semesta NKEA. Terdapat dua projek dalam *Progress Update* yang merangkumi peratusan besar daripada jumlah pelaburan, iaitu projek Lembah Klang MyRapid Transit (MRT) dan projek RAPID oleh PETRONAS. Pelaburan ini tersebar dalam tempoh beberapa tahun mengikut tempoh pembinaan MRT yang lanjut hingga tahun 2017. Ini juga merupakan situasi bagi projek RAPID yang akan mengambil beberapa tahun di mana pelaburan akan tersebar sepanjang tempoh projek.

Pasukan NKEA di bawah PEMANDU giat berhubung dengan pemilik projek sektor awam dan swasta untuk memastikan kemajuan ETP berjalan lancar.

Prestasi ETP bagi tahun 2011 dari segi '*realised investments*' amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion. Sehingga suku ketiga tahun 2011, sebanyak 514,300 peluang pekerjaan telah dijanakan berbanding dengan sasaran 684,000. Pihak kerajaan yakin bahawa sasaran tersebut boleh dicapai. Angka-angka tersebut berasal daripada

Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM 94 billion pada tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan *FDI Confidence Index 2012* yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.

Sepanjang tempoh ini, defisit fiscal Kerajaan terus dikurangkan kepada 5 peratus menewaskan ramalan 5.4 peratus. Ini tanda-tanda yang amat menggalakkan untuk ekonomi pada tahun 2012.

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**
 (LEDANG)

TARIKH **19.03.2012**

SOALAN:

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar tentang cadangan 'Future Problem Solving Program Malaysia (FPSPM)' di mana 'FPSP is a program in which children (and adults too) are thought "how to think" rather than "what to think". It involved a 6-step process and was first established in U.S by Paul Torrance' yang telah menghasilkan kematangan berfikir di kalangan murid/pelajar pada tahap yang sangat tinggi. Apakah tindakan susulan Kementerian mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, peningkatan kualiti pendidikan menjadi agenda penting Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terutamanya dalam membentuk generasi muda yang mempunyai kemahiran berfikir. KPM telah mengambil pelbagai langkah bagi memantapkan lagi hala tuju kurikulum persekolahan rendah dan menengah supaya relevan dengan tuntutan semasa dan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

KPM turut memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) secara merentas kurikulum sejak tahun 1990-an. Melalui kurikulum semakan semula bermula tahun 2000, elemen KBKK telah disepadukan dalam semua

kurikulum mata pelajaran bertujuan menghasilkan murid yang mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. KBKK adalah di antara kemahiran yang penting selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan sesuai dengan hasrat negara mencapai taraf K-Ekonomi.

Selain itu, KPM turut menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran (p&p) seperti pembelajaran masteri dan pembelajaran luar bilik darjah serta inkuiiri penemuan untuk diaplikasikan dalam p&p bagi membantu meningkatkan kreativiti murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa kurikulum persekolahan menepati keperluan pendidikan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN ER TECK HWA

TARIKH

19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN

NO. 56

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan aktiviti persatuan-persatuan di universiti-universiti Kerajaan

yang terlibat kos melebihi RM10,000.00:-

- (a) senarai aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan pecahan universiti-universiti yang terlibat dari tahun 2005 ke 2012; dan
- (b) adakah pihak universiti mengarahkan mahasiswa-mahasiswa ke luar kampus untuk memungut wang bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persatuan-persatuan di IPT sebenarnya tidak perlu mengemukakan penyata kewangan kepada Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian ada merekodkan penyaluran peruntukan bagi program khas (pembangunan sahsiah) pelajar di IPT. Terdapat pelbagai program yang melibatkan peruntukan melebihi RM10 ribu telah

dilaksanakan diperingkat IPT pada tahun 2011, umpamanya Ekspo Inovasi Islam (I-INOVA,11) IPT Malaysia 2011 oleh USIM, Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi oleh USM, Program Integrasi Nasional Pertukaran Budaya 1 Malaysia oleh UiTM, Khidmat Komuniti Dengan Orang Asli oleh UPSI, *International Student Leadership Conference* oleh Taylor's University dan Program Khidmat Komuniti Pelajar Antarabangsa di IPT (*My Village*) oleh Multimedia University (MMU).

- (b) Untuk makluman, pihak universiti tidak mengeluarkan arahan kepada pelajar untuk mengutip wang bagi membiayai sesuatu aktiviti persatuan. Walau bagaimanapun, terdapat aktiviti yang dirancang sendiri oleh persatuan/kelab pelajar yang memerlukan sumber kewangan yang melebihi peruntukan yang mampu ditanggung oleh pihak universiti, umpamanya *Program Outreach* pelajar ke luar negara. Memandangkan kos yang terlibat adalah tinggi, maka pelajar mengambil inisiatif untuk mendapatkan penajaan daripada pihak industri, badan-badan tertentu atau orang perseorangan dengan mendapatkan kebenaran daripada Naib Canselor IPT masing-masing. Di samping mendapat penajaan, peluang tersebut boleh diambil oleh pelajar untuk melatih diri agar lebih berkeyakinan dan meningkatkan kemahiran insaniah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

NO. SOALAN : 58

[KETEREH]

TARIKH 19 MAC 2012

RUJUKAN 4462

SOALAN :

Tuan Hajl Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah protes yang diadakan oleh Orang Asal sejak 2008. Berapakah dan apakah jenis aduan polis serta memorandum yang telah diserah oleh Orang Asal kepada Kerajaan.

JAWAPAN :
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2008 sehingga 2012, terdapat sebanyak empat (4) bantahan melibatkan perhimpunan dan demonstrasi dilakukan oleh masyarakat Orang Asal. Bantahan ini melibatkan isu pencemaran air, tangkapan terhadap warga Orang Asal dan isu pemilikan tanah.

Sementara itu, sebanyak 11 memorandum berkenaan isu kebijakan dan hak orang asal, tangkapan melibatkan orang asal dan isu hak pemilikan tanah oleh orang asal telah diserahkan kepada pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan manakala sebanyak 31 laporan polis telah dibuat di seluruh negara melibatkan pelbagai isu dan rasa tidak puas hati dalam tempoh berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pemantauan masih lagi diteruskan bagi memastikan semua laporan polis yang dibuat oleh Orang Asal akan diambil tindakan segera dan sewajarnya selaras dengan undang-undang negara.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 19 MAC 2012 [ISNIN]

SOALAN

NO. SOALAN: 58

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI

menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang bertukar agama dari agama selain Islam atau tiada agama kepada Islam untuk tahun 2006 hingga 2011.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod pendaftaran saudara muslim (saudara baru) oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, bilangan rakyat Malaysia yang telah memeluk Islam dari tahun 2008 hingga 2011 di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 4,007 orang. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia IJAKIM tidak memperolehi data yang lengkap memandangkan rekod saudara muslim hanya diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah nilai hasil pengeluaran minyak dan gas negeri Sabah bagi tahun 2011, dan apakah pelaburan PETRONAS untuk mempertingkatkan infrastruktur industri minyak dan gas selain dari pembinaan Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) dan Sabah Ammonia and Urea Plant (SAMUR).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran hasil petroleum negeri Sabah bagi tahun 2011 adalah sebanyak 134,000 tong sehari bagi minyak dan 219 juta kaki padu gas sehari (mmscfd) bagi gas. Nilai hasil pengeluaran minyak dan gas ini ialah sebanyak RM8.79 bilion.

Selain dari projek SOGT dan SAMUR, PETRONAS sedang di dalam proses membina saluran paip gas Dalak di Sabah. Saluran paip sepanjang 55 km di antara SOGT dan Labuan dijangka dapat memberi kestabilan bekalan gas di Labuan dan Sabah di samping menjamin pasaran gas di Sabah pada masa hadapan. Projek ini dijangka siap pada tahun 2016.

Selain itu, PETRONAS juga sedang membangunkan projek pembinaan

sebuah loji janakuasa elektrik dan LNG *regasification terminal* di Lahad Datu bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di kawasan tersebut. Ianya dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016.

Bagi memenuhi pembangunan modal insan dan kepakaran dalam industri petroleum, sebuah pusat latihan akan dibina di Kimanis. Pusat latihan ini dijangka siap pada tahun 2013 dan ianya adalah salah satu inisiatif PETRONAS bagi tujuan pembangunan keupayaan di kalangan penduduk Sabah dalam industri minyak dan gas.

Penyertaan PETRONAS dalam membangunkan industri minyak dan gas di Sabah adalah satu usaha yang berterusan. Ini bermakna pembangunan terutamanya bagi industri minyak dan gas di Sabah tidak pernah dipinggirkan. Dengan pelaksanaan projek-projek tersebut dijangka akan membawa banyak kesan pengganda atau *multiplier effect* kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi di negari Sabah. Di antara kesannya adalah pertumbuhan industri-industri sokongan, penyediaan peluang perniagaan dan pekerjaan serta pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan industri.

NO SOALAN : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA	YB TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)
TARIKH	19.03.2012 (ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada pesara pasukan tentera khasnya pasukan Sarawak Renjer akan diberi sagu hati sebanyak RM3000 (tiga ribu ringgit sahaja) secara *one-off* seperti pesara polis baru-baru ini bagi mereka yang berkhidmat semasa era komunis di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Program sumbangan RM3000.00 tersebut adalah untuk bekas polis yang bertugas sebagai pasukan keselamatan semasa pemerintahan British. Berlainan pula dengan bekas *Sarawak Rangers* yang mana pembelaan mereka adalah sebagai seorang Veteran ATM yang mana kemudahannya diperolehi melalui Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan (SBKP) yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM). SBKP merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan Veteran ATM dan tanggungan mereka yang memerlukannya supaya dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih

selesa.

Pemberian bantuan ini dinikmati semenjak JHEV ATM ditubuhkan pada tahun 2001 dan kemudahan sedemikian tidak dinikmati oleh mereka yang berkhidmat dalam PDRM semasa zaman pemerintahan British. Terdapat lima kategori bantuan di bawah skim ini iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Politeknik (IPTA), Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Bantuan Sara Hidup di antara RM100.00 hingga RM300.00, adalah disasarkan terutamanya kepada veteran yang susah dan daif.

JHEV juga menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk bayaran perubatan termasuk rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan ubat-ubatan tanpa membezakan samada Veteran itu berpencen atau tidak.

Sejak penubuhan JHEV ATM pada tahun 2001, pihak Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM140.9 juta untuk bayaran faedah-faedah perubatan, RM40.4 juta untuk Bantuan Pendidikan Sekolah dan kemasukan IPTA dan RM35.7 juta untuk Bantuan kebajikan lain termasuk Bantuan Sara Hidup.

Dengan wujudnya kemudahan ini, pihak Kerajaan

berpendapat adalah memadai dan adalah lebih banyak kemudahan yang diterima jika dibandingkan dengan RM3000.00 jika dihitung secara berpanjangan.

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
	(BATU KAWAN)
TARIKH	19.03.2012
SOALAN:	

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah penggunaan buku Interlok yang diwajibkan dalam sukan pelajaran Jesusasteraan Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia telah ditarik balik sepenuhnya dan sekiranya ya, apakah sebab-sebab buku tersebut ditarik balik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Surat siaran pengguguran dan penarikan balik novel “Interlok” telah diturunkan ke semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) di Zon 2 pada bulan Disember 2011 dan Januari 2012. Penarikan novel Interlok berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2011. Keputusan penarikan Interlok adalah bagi mengelakkan mana-mana pihak daripada terus mempolimikkan novel tersebut dan novel ini tidak akan dinilai dalam

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2012.

Rjm 23

SOALAN NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

YB. TUAN CHUA TIAN CHANG BATU

TARIKH

19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN:

YB. TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) apakah jaminan keselamatan di Jalan Lingkaran Tengah (MRR2) di Jalan Sungai Buloh-Kepong yang sedang diselenggarakan dan apakah punca berlaku dan kos tersebut; dan

- (b) sama ada JKR bercadang untuk menyelesaikan masalah kesesakan bersama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Bulatan Batu Caves.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Sebagaimana telah dijelaskan dalam jawapan sesi-sesi persidangan yang lalu, isu kerosakan rasuk silang jejambat di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Jalan Sungai Buloh - Kepong berpunca daripada tindak balas kimia berikutan daripada pemilihan tendon prategasan jenis *carbon fibre reinforced polymer* (CFRP) yang tidak bersesuaian dengan keadaan cuaca. Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2009 telah bersetuju supaya tendon tersebut digantikan kepada tendon prategasan daripada jenis keluli (*steel tendons*). Kerja-kerja pembaikan di rasuk silang jejambat yang terjejas teruk, iaitu di tiang no. 28 telah siap dilaksanakan pada 12 Disember 2010. Manakala kerja-kerja pembaikan untuk baki tiang rasuk yang lain telah dimulakan pada bulan September 2011 dan dijangka siap pada 26 Oktober 2013. Harga kontrak keseluruhan untuk kerja-kerja membaik pulih rasuk silang jejambat MRR2 di Kepong ini ialah sebanyak RM38 juta.

Kementerian Kerja Raya ingin memaklumkan bahawa keselamatan pengguna yang menggunakan struktur jejambat di MRR2, jalan Sungai Buloh - Kepong pada masa kini tidak terjejas dan ia masih selamat dijalui walaupun semasa kerja-kerja baik pulih sedang dijalankan. Oleh itu, pengguna tidak perlu bimbang dengan tahap keselamatan mereka semasa menggunakan laluan tersebut. Ini kerana Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memantau situasi di tapak dan

memberikan keutamaan terhadap aspek keselamatan pengguna. Sebagai langkah tambahan, pihak kontraktor juga telah diarah memasang rangka pengikat dan jaring keselamatan di rasuk jejambat yang sedang dibaik pulih itu.

(b) Mengenai isu dan masalah kesesakan di Bulatan Batu Caves pula, JKR sememangnya sentiasa mengadakan perbincangan secara berkala dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Sehubungan itu, JKR dan DBKL telah mengenai pasti punca kesesakan di bulatan tersebut disebabkan oleh *conflict access* melibatkan kenderaan dari arah Selayang ke Kepong yang ingin membuat pusingan di bulatan sehingga menghalang pergerakan kenderaan dari arah Selayang ke Batu Caves. Kesesakan ini diburukkan lagi oleh kenderaan dari arah MRR2 dan Jalan Persekutuan 1 (FT01) yang ingin membuat pusingan U dan terpaksa melalui keseluruhan bulatan.

Pada masa kini JKR dan DBKL sedang meneliti beberapa opsyen, termasuk cadangan pembinaan *ramp* dan lorong susur tambahan di lokasi bulatan berkenaan. Cadangan opsyen-opsyen tersebut masih lagi berada di peringkat awal dan memerlukan kajian lebih mendalam sebelum ia dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH

19.03.2012 (ISNIN)

TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah subsidi gula, minyak dan tepung yang diberi untuk tahun 2010, 2011 dan 2012 serta jumlah kos kontrak pembelian gula import yang ditandatangani pada Januari, tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tanggungan subsidi gula pada 2010 oleh Kerajaan adalah sebanyak RM788.13 juta selepas tiga kali kenaikan harga dibuat iaitu pada 1 Januari 2010, 16 Julai 2010 dan 4 Disember 2010. Pada 2011 jumlah subsidi gula adalah sebanyak RM262.41 juta selepas kenaikan pada 10 Mei 2011 dan pada tahun 2012 jumlah subsidi gula adalah sebanyak RM567 juta. Manakala tanggungan subsidi Kerajaan bagi tepung gandum pada 2010 adalah sebanyak RM88.25 juta, pada 2011 sebanyak RM129 juta dan pada 2012 sebanyak RM150 juta. Bagi minyak masak, jumlah tanggungan subsidi Kerajaan pada 2010 adalah RM813 juta, pada 2011 sebanyak RM1.6 bilion dan pada 2012 sebanyak RM1.2 bilion. Untuk makluman Dewan, subsidi minyak masak adalah di bawah kawalan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Tuan Yang Dipertua,

Bekalan gula di Malaysia diperolehi melalui dua sumber iaitu gula tebu tempatan sebanyak 1.4% dan gula import sebanyak 98.6%. Memandangkan purata keperluan gula bertapis domestik adalah sebanyak 1.4 juta tan metrik setahun dan bekalan gula tebu tempatan tidak dapat menampung keperluan gula bertapis domestik, sumber gula mentah negara diperolehi daripada negara-negara pengeluar utama gula dunia yang dapat membekalkan gula mentah pada kualiti yang ditetapkan. Negara-negara tersebut adalah seperti Brazil, Australia, Thailand, Guatemala dan Afrika Selatan.

Sehubungan itu, bagi menampung keperluan gula bertapis domestik, pembelian gula mentah import dibuat secara kontrak jangka panjang (*Long Term Contract - LTC*) bagi satu kadar harga, kuantiti dan tempoh yang dipersetujui oleh pengilang gula tempatan dan pembekal gula.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta pengilang-pengilang gula tempatan telah memuktamadkan pembelian gula mentah sebanyak 2.8 juta tan metrik bagi tempoh 3 tahun daripada 2012 hingga 2014 iaitu 81% daripada keperluan gula mentah di bawah LTC pada harga purata USD26.06 cents/lb (*Cost & Freight*) dengan 4 syarikat pembekal gula luar negara. Kadar LTC yang dipersetujui adalah termasuk kos penghantaran. Harga sebenar gula mentah yang dipersetujui adalah USD24 cents/lb dan kos penghantaran sebanyak USD2 cents/lb menjadikan harga LTC sebanyak USD26 cents/lb. Manakala harga yang sering dirujuk oleh masayarakat umum adalah harga gula mentah (FOB) di pasaran New York tanpa kos pengangkutan. Sementara LTC yang ditandatangani bagi tempoh 2009 hingga 2011, kadar purata yang dipersetujui adalah sebanyak USD17.5 cents/lb (C&F).

NO SOALAN : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

**TARIKH 19.03.2012
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah banjir dan sistem perparitan di kawasan Skudai yang berpunca daripada tapak Kem Askar Skudai; dan**
- (b) bilakah projek pemulihan berkaitan akan bermula seperti apa yang dijanjikan selepas lawatan PAC Parlimen.**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyelesaikan masalah banjir yang berpunca daripada tapak projek pembinaan Kompleks 7 Briged, Kem Skudai, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan

JAWAPAN:

sebanyak RM500 ribu pada tahun 2010 bagi pembaikan dan penyelenggaraan sistem perangkap lumpur di kawasan tapak pembinaan tersebut.

Lawatan tapak telah dilakukan oleh pihak Kementerian bersama dengan Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira- Kira Wang Negara pada 25 Mei 2011 untuk mengenalpasti dan mencari jalan penyelesaian agar banjir lumpur tidak berulang lagi di kawasan perumahan yang berhampiran.

Ekoran daripada lawatan tersebut, pelantikan kontraktor bagi pembaikan dan penyelenggaraan sistem perangkap lumpur telah dibuat pada awal bulan Oktober 2011. Keseluruhan kerja-kerja pemasangan empat perangkap lumpur telah siap sepenuhnya pada 23 November 2011.

NO. SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Tuan Haji Mohd Nor bin Othman
JAWAPAN [Hulu Terengganu]

TARIKH 19 Mac 2012(Isnin)

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penubuhan jawatankuasa bertindak bagi mewujudkan Pusat Daftar Setempat Harta dan Tanggungan (Aset dan Liabiliti) Milik Simati 1 Malaysia membolehkan pengesahan harta dan hutang terkini simati dikenal pasti dengan cepat oleh waris dan semua pihak berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Pusat Daftar Setempat Harta dan Tanggungan (Aset dan Liabiliti) Milik Simati 1 Malaysia, akan membolehkan penyaluran maklumat kematian dibekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada agensi-

agensi yang memegang maklumat aset dan liabiliti rakyat Malaysia seperti Pejabat Tanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Bursa Malaysia, Bank Negara , Amanah Raya Berhad, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain yang membolehkan agensi terbabit membuat padanan dengan data masing-masing sekiranya si mati mempunyai aset, liabiliti atau didaftarkan dengan agensi berkenaan. Sekiranya melalui padanan data yang dibuat, simati mempunyai rekod aset dan liabiliti, agensi berkenaan akan melaporkan kepada Amanah Raya Berhad sebagai Pusat Daftar Setempat Harta dan Tanggungan (Aset dan Liabiliti) Milik Simati 1 Malaysia yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 20 Januari 2012 yang lalu untuk diwujudkan satu pengkalan data khusus.

Pada masa sekarang, Amanah Raya Berhad, Mahkamah Tinggi dan Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil merupakan tiga agensi utama yang diberi kuasa oleh sistem perundangan Malaysia dalam perihal pentadbiran harta pusaka. Melalui pengalaman agensi-agensi yang berkaitan, khususnya Amanah Raya Berhad, antara masalah utama menyebabkan kelewatan penyelesaian pentadbiran harta pusaka ialah dalam mendapatkan maklumat lengkap berkaitan aset dan liabiliti simati dan hanya bergantung kepada maklumat yang dilaporkan oleh waris mereka bagi memulakan proses siasatan dengan agensi atau institusi yang dinamakan seperti bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain. Malah, wujud juga keadaan yang mana waris sengaja menyembunyikan maklumat simati atas kepentingan peribadi.

Dengan adanya Pusat Daftar Setempat Harta dan Tanggungan (Aset dan Liabiliti) Milik Simati 1 Malaysia ini, proses semakan / penyiasatan harta dan tanggungan simati akan dapat dipermudahkan dan proses keseluruhan pentadbiran harta pusaka dapat dipercepatkan.

Sesungguhnya kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan ini adalah satu lagi inisiatif murni oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerlukan sokongan semua pihak untuk kejayaannya.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Tuan Lim Lip Eng [Segambut]

TARIKH 19 Mac 2012

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah setiap orang yang dituduh dalam kes jenayah mempunyai peguam untuk membela mereka melalui Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan bagaimana peguam tersebut dibayar serta skala fi mereka dalam skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diperbadankan pada 25 Januari 2011 sebagai suatu syarikat khairat (*charitable company*) di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. Ia bertujuan untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dalam kes jenayah kepada golongan yang kurang berkemampuan supaya mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya, selaras dengan Fasal (3) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki seseorang yang ditangkap hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan dia ditangkap dan hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.

JAWAPAN

Bantuan guaman dalam kes jenayah juga penting bagi memastikan semua pihak mendapat hak kesamarataan di sisi undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Semua jenis kesalahan jenayah layak dibantu oleh YBGK kecuali kesalahan yang membawa hukuman mati kerana pihak mahkamah telah menyediakan perkhidmatan peguam yang dilantik oleh mahkamah (*assigned counsel*) kepada tertuduh dalam kes sedemikian. Bantuan guaman dan khidmat nasihat dalam perkara jenayah akan diberikan kepada mana-mana warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan guaman di peringkat tangkapan, reman/tahanan dan permohonan ikat jamin tanpa had pendapatan. Namun begitu, satu ujian kemampuan akan dijalankan untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman di peringkat perbicaraan dan rayuan di mahkamah.

Ujian kemampuan akan dilakukan dan perkhidmatan Peguam YBGK hanya akan diberikan kepada warganegara Malaysia yang memenuhi syarat dua kategori iaitu:

- (a) mereka yang mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi RM25.000 setahun akan diberi bantuan guaman percuma; dan
- (b) mereka yang mempunyai sumber pendapatan melebihi RM25.000.00 setahun tetapi tidak melebihi RM36.000.00 setahun akan dikenakan bayaran RM 300.

Apabila seseorang warganegara ditangkap atas kesalahan jenayah, agensi penguatkuasaan yang berkenaan akan menghubungi Pusat Bantuan Guaman Negeri di bawah Majlis Peguam di Semenanjung Malaysia dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak bagi mendapatkan khidmat peguam yang berdaftar dengan YBGK. Walau bagaimanapun, YBGK dijangka akan memulakan operasinya pada akhir Mac 2012.

Peguam YBGK ini akan dibayar mengikut tuntutan bagi jenis perkhidmatan yang telah dilaksanakan berdasarkan kepada skala bayaran yang telah ditetapkan oleh YBGK. Skala bayaran peguam YBGK ini boleh didapati di laman sesawang YBGK di alamat www.ybgk.org.my.
Sekian. Terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH 19 MAC 2012

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devarajminta MENTERI KESIHATAN

menyatakan kadar lulus Peperiksaan Lembaga Kejururawatan dalam tahun 2010 dan 2011 di kalangan graduan kursus kejururawatan daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta yang sedang menawarkan kursus melatih doktor. Beri pecahan mengikut tiap IPTS.

Tuan Yang di-Pertua

Sebanyak 37 Kolej Institut Pengajian Tinggi Swasta dengan bilangan calon seramai 8,235 telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia pada tahun 2010 dengan peratus kelulusan sebanyak 70.5% (5808 orang) manakala bagi tahun 2011 seramai 13,014 dari 64 Kolej telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan bilangan calon yang lulus adalah seramai 11,415 (88%). Pencapaian tertinggi dari jumlah kolej tersebut bagi tahun 2011 adalah 100% manakala pencapaian terendah adalah 70%.

1

Sebanyak 12 buah IPTS yang menawarkan kursus kejururawatan telah diberikan kelulusan oleh MMC untuk mengendalikan kursus perubatan bagi melatih doktor.

NO. SOALAN : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN**

[PASIR SALAK]

TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) akan dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia, PR1MA lebih tertumpu kepada golongan sasaran warga bandar dan pinggir bandar berpendapatan sederhana yang mengalami kesempitan kewangan dalam membiayai kos keperluan asas sara hidup mereka.

Kerajaan Barisan Nasional sedar dan amat memahami masalah penduduk di luar bandar yang susah kerana kemiskinan dan juga penduduk di bandar yang susah akibat masalah kesempitan kewangan. Oleh yang demikian kerajaan kini meningkatkan usaha untuk mengimbangi dasar bantuan kepada rakyat yang susah bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar. Program-program di bawah kelolaan kerajaan seperti bantuan ekonomi, penyediaan kemudahan infrastruktur dan struktur sosial yang dijalankan di luar bandar selama ini juga akan dilaksanakan untuk golongan sasaran yang tinggal di bandar.

Sekian. Terima kasih.